

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 3 Jamadilakhir 1437 / 12 Mac 2016****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang keenam, hari Sabtu 3 Jamadilawal 1437 bersamaan 12 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir sekali lagi di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-ahli Yang

Berhormat, pada hari ini Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang keenam. Kita masih lagi membincangkan perkara-perkara mengenai jawapan lisan bagi Soalan Yang Diberi Notis dan kita juga masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebagaimana jua jawapan lisan bagi Soalan Yang Diberi Notis yang akan dibincangkan menurut urutan dan susunannya seperti Tambahan 'A' yang telah diedarkan sebelum ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, namun demikian, saya ingin mengingatkan supaya perbincangan kita ini dihadkan saja selama 30 minit agar kita segera dapat berpindah ke perkara seterusnya iaitu untuk menyelesaikan Rang Undang-Undang Belanjawan dengan segeranya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan No.4 daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkifli bin Haji Abdul Hamid kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Awang Haji Zulkifli bin Haji Abdul Hamid:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Tajuk yang akan saya bawakan pada pagi ini ialah Wawasan Brunei 2035. Saya ingin merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Awal Tahun

Baharu Masihi 2016, bahawa baginda telah memperkenankan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 yang telah digubal oleh Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

Untuk merealisasikan ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei tersebut. Wawasan Brunei 2035 merupakan satu *grand* projek untuk meningkatkan kemakmuran Negara Brunei Darussalam. Ia memerlukan pelbagai pendekatan dengan mengambil kira pelaksanaan dalam keadaan yang dinamik dan mencabar. Antara fokus utama setiap perjalanan dan pencapaian hendaklah disukat dengan telus dan rapi dan adalah penting negara mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dengannya memastikan ia mapan dan berterusan.

Soalan saya ialah:-

1. Saya ingin tahu, dalam mengukur tahap pencapaian Wawasan Brunei 2035 khusus bagi pihak swasta dan industri, iaitu sebagai *stakeholder* utama dalam usaha meningkatkan perekonomian negara;
 - i. Apakah sukat-sukat yang dibuat untuk memastikan tahap pencapaian dan keberkesanan strategi dan pelaksanaan bagi sektor-sektor tersebut?; dan
 - ii. Adakah galakan atau insentif untuk mewujudkan majlis atau pertubuhan dan memberi dukungan bagi yang sudah tertubuh bagi sektor-sektor yang

penting, iaitu dengannya dapat mempromosikan isu-isu yang dihadapi oleh sektor masing-masing, sebagai contoh, *BIT Council* pernah berperanan penting dalam menangani sektor Teknologi Maklumat?; dan

- iii. Setakat manakah pemberiagan Wawasan dalam meningkatkan kesedaran dan penglibatan secara aktif kepada golongan muda, iaitu generasi Wawasan Brunei 2035 yang akan mengambil teraju kepimpinan negara dan yang bakal meraih manfaat dengan mencapai matlamat wawasan tersebut?

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih atas soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai dengan parkara ini.

Alhamdulillah, seperti mana yang kita sama-sama maklumi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan Kerangka Kerja

Wawasan Brunei 2035. Kerangka kerja tersebut telah dihasilkan khusus bagi membantu Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Dalam mengurus dan memantau agenda pembangunan negara dengan lebih fokus dan holistik serta menilai dan mengukur tahap pencapaian negara ke arah Wawasan Brunei 2035 dengan lebih jelas dan terperinci.

Kerangka kerja wawasan ini menjelaskan fokus utama usaha-usaha pembangunan di peringkat kebangsaan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035 melalui hasil pencapaian ataupun *National Outcome* yang telah dikenal pasti. Prestasi negara bagi setiap hasil pencapaian akan diukur melalui petunjuk prestasi utama kebangsaan ataupun *National Key Performance Indicators* mengambil kira sasaran dan projektori yang telah ditetapkan.

Bagi mengukur tahap pencapaian Wawasan Brunei 2035 yang melibatkan pihak swasta dan industri di peringkat kebangsaan ada beberapa *national outcomes* telah dikenal pasti. Ini antaranya bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan yang meliputi peningkatan dalam produktiviti dan pelaburan memastikan kepelbagaian ekonomi dan memastikan tahap pengangguran yang rendah.

Antara *KPI* Kebangsaan yang akan digunakan untuk mengukur tahap pencapaian *national outcome* berkenaan adalah seperti kadar peratus pertumbuhan tahunan produktiviti. Kadar peratus aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) daripada keluaran dalam negeri kasar, KDNK, kadar peratus eksport bukan minyak dan gas dari jumlah eksport keseluruhan dan kadar peratus pertumbuhan kerajaan.

Di samping itu, pada peringkat operasi peneraju-peneraju strategi wawasan antaranya peneraju strategi ekonomi dan strategi pembangunan perniagaan tempatan bersama agensi-agensi pelaksana yang berkenaan akan bertanggungjawab untuk menghasilkan strategi dan pelan tindakan masing-masing ke arah mencapai hasil pencapaian kebangsaan yang dikenal pasti dalam kerangka kerja tersebut.

Keberkesanan strategi-strategi tersebut juga akan diukur melalui *operational KPI* masing-masing. Keutamaan pelaksanaan berdasarkan strategi-strategi yang mempunyai impak yang tinggi dan memastikan keberkesanannya ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Mengenai galakan dan insentif untuk mewujudkan majlis ini, peneraju-peneraju telah pun dilantik bagi strategi-strategi Wawasan yang setiap peneraju bertanggungjawab untuk mengenal pasti matlamat-matlamat strategik ke arah pencapaian *national outcomes* dalam Kerangka Kerja Wawasan dan

memastikan pelaksanaan program dan projek yang berimpak tinggi di peringkat nasional. Setiap peneraju juga diperlukan untuk menubuhkan jawatankuasa peneraju strategi masing-masing yang keahliannya terdiri daripada pihak-pihak yang berkepentingan termasuk pihak kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan individu-individu tertentu ke arah mencapai *national outcomes* yang dihasratkan.

Mengenai pemberigaan Wawasan, ia dilaksanakan mengikut 3 strategi iaitu:-

1. Pemberigaan bertujuan pensejajaran semula (*communicate to realign*) iaitu khusus untuk pemberigaan kepada agensi-agensi kerajaan dan sektor-sektor swasta supaya semua pihak yang berkenaan faham akan tanggungjawab masing-masing dan akan memastikan pelaksanaan strategi propertumbuhan yang lebih bersepadu dan menjurus pada pembangunan negara;
2. Pemberigaan bertujuan mendidik (*communicate to educate*); dan
3. Pemberigaan bertujuan memberi inspirasi (*communicate to inspire*).

Strategi kedua dan ketiga ini khusus untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai termasuk golongan belia dan penuntut-penuntut mengenai Wawasan Brunei 2035 dan seterusnya menjelaskan bagaimana mereka boleh menyumbang secara

positif ke arah pencapaian wawasan tersebut.

Pemberigaan mengenai Wawasan Brunei 2035 ini telah pun mula dilaksanakan seperti pemberian taklimat kepada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, penuntut-penuntut dan orang awam dan pemberigaan maklumat melalui risalah, pamflet, kalendar dan lagu.

Pelbagai kaedah media massa juga akan digunakan seperti pemberigaan secara media digital akan dibuat melalui laman sesawang, video Wawasan Brunei 2035, media sosial, promosi melalui radio dan televisyen dan aplikasi mengenai Wawasan Brunei 2035. Sementara itu pemberigaan secara media cetak akan dibuat dalam bentuk buku pengemaskinian Wawasan Brunei 2035, poster, risalah dan pamflet. Sekian yang dapat kaola sampaikan dan kaola mengucapkan terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis No. 6 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat
Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang
Berhormat.

Pada tahun 1996, *Semaun Holding Sdn Bhd* telah ditubuhkan sebagai sebuah agensi di bawah pengurusan agensi pelaburan dan perdagangan kerajaan dengan bermatlamatkan untuk meningkatkan perkembangan industri dan perdagangan negara ini. Projek-projek *Semaun Holding Sdn Bhd* seperti *aquaculture*, *food processing* dan *glass crystal manufacturing* dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Pada masa ini *Semaun Holding Sdn Bhd* telah menjangkau usia lebih kurang 20 tahun dan sudah setentunya orang ramai tertanya-tanya sejauh manakah statistik pendapatan daripada kegiatannya yang boleh membantu perekonomian negara kita.

Kaola ingin bertanya dan ingin tahu:-

1. Berapa buahkah syarikat yang bertaraf *joint venture* atau *government linked companies* yang dimiliki oleh kerajaan?;
2. Apakah perkembangan syarikat-syarikat berkenaan boleh diiktiraf sebagai bertaraf antarabangsa terutamanya dari segi teknologi, pemasaran dan pendapatan negara?;
3. Berapakah caruman kewangan kerajaan untuk projek-projek *Semaun Holding Sdn Bhd*?; dan

4. Apakah kedudukan aktiviti *joint venture* syarikat swasta dengan kerajaan dan berapa peratuskah kerajaan memperoleh hasil dari usaha sama itu?

Sekian saja dari kaola,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai perkara ini. *Government linked companies (GLCs)* adalah syarikat yang ada sebahagian sahamnya dipegang oleh kerajaan sama ada kerajaan merupakan pemegang saham minoriti ataupun majoriti syarikat.

Mengikut definisi ini dan dalam konteks Negara Brunei Darussalam, pelaburan kerajaan dalam *GLCs* melalui 2 buah entiti iaitu *Darussalam Assets (investment holding company)* yang diberi mandat untuk memiliki dan memantau pelaburan kerajaan dalam *GLCs* ini dan Dana Modal Pembangunan Strategik (*Strategic Development Capital*) iaitu dana yang diberikan mandat untuk menyediakan sumber kewangan berupa *risk capital*

dengan menawarkan penyertaan pelaburan sebagai rakan kongsi tempatan bagi pelabur-pelabur asing yang berhasrat untuk membuat pelaburan di Negara Brunei Darussalam. Terdapat sebanyak 75 buah *GLCs* di bawah hak milik atau tanggungjawab pengurusan *Darussalam Assets* dan Dana Modal Pembangunan Strategik (*Strategic Development Capital*) iaitu 44 buah syarikat dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya dan 31 buah syarikat merupakan *joint venture* atau usaha sama. Selain syarikat-syarikat di atas, terdapat beberapa buah lagi syarikat bertaraf *GLCs* yang bukan di bawah kawalan selia *Darussalam Assets* dan Dana Modal Pembangunan Strategik (*Strategic Development Capital*).

Mengenai soalan yang berkaitan perkembangan syarikat-syarikat berkenaan, salah satu ukuran kejayaan atau *measured success* untuk menilai sama ada syarikat-syarikat berkenaan boleh diiktiraf sebagai bertaraf antarabangsa adalah melalui keupayaannya untuk menjana pelanggan luar negara atau eksport.

Setakat ini beberapa buah syarikat telah pun memasarkan produk dan perkhidmatan ke luar negara, contohnya ialah Syarikat Simpor Pharma Sdn Bhd yang 84.5 peratus dari hasil pendapatannya didapati dari pengeksportan ke luar negara. Begitu juga dengan *Ghanim International Cooperation Sdn Bhd* melalui anak syarikat *Ghanim International UK Limited* telah pun memasarkan produk-produk jenama *Brunei Halal Brand*

di rangkaian antarabangsa seperti *TESCO* di United Kingdom dan di Singapura.

Dari segi teknologi, antara strategi untuk memastikan adanya teknologi *transfer* ialah dengan membuat pelaburan usaha sama dengan rakan kongsi yang pakar industri. Peranan penting yang dimainkan rakan kongsi perniagaan ini adalah untuk membawa masuk dan memindahkan pengetahuan perniagaan ke negara ini termasuk dari segi teknologi.

Misalannya syarikat *CAE Brunei Multi-Purpose Training Center* yang rakan kongsi teknikalnya ialah *CAE In Canada. CAE Inc.* Ini merupakan sebuah syarikat terbesar di dunia yang pakar dalam penyediaan *Simulating and Modeling Technologies and Integrated Solutions* bagi industri penerbangan awam dan pertahanan.

Teknologi ini telah pun dibawa ke Brunei Darussalam dan *CAE Inc.* telah menyediakan program-program latihan dan *on the job training* bagi pekerja-pekerja tempatan dan termasuk program latihan di ibu pejabat *CAE Inc. Canada*.

Sehingga kini *CAE Brunei MPTC* ini telah berjaya mendapatkan beberapa kontrak bersama pelanggan-pelanggan antarabangsa termasuk syarikat-syarikat dari Republik Rakyat China dan Australia. Pihak kerajaan, insya-Allah akan terus memantau prestasi peringkat *GLC* ini untuk memastikan ia mencapai taraf antarabangsa supaya boleh

berdaya saing dengan syarikat-syarikat di luar negara.

Antara usaha-usaha kerajaan tersebut termasuklah jua untuk memastikan syarikat-syarikat ini mengikut *Best Practice Global Standard* termasuk dari segi tadbir urus atau *Corporate Governance* dan pengguna piawaian *International Financial Reporting Standard (IFRS)*.

Pertanyaan mengenai berapa caruman wang kerajaan untuk projek-projek *Semaun Holdings Sendirian Berhad*. Memandangkan *Semaun Holdings* sebuah syarikat *Sendirian Berhad* dan bukannya *Public Limited Company*, jumlah caruman kerajaan untuk projek-projek ini, dukacita tidaklah dapat dikongsikan pada umum atas sebab-sebab komersial.

Kaola beralih untuk menjawab kepada soalan yang keempat. Iaitu kedudukan aktiviti *joint-venture* syarikat swasta dengan kerajaan dan berapa peratuskah kerajaan memperolehi hasil dari usaha sama itu?.

Setakat ini, kerajaan telah membuat pelaburan ke atas 3 buah syarikat usaha sama dengan sektor swasta tempatan yang terdiri daripada 2 buah syarikat di bawah portfolio *Darussalam Asset Sendiran Berhad* dengan sumbangan 100 peratus hasil pertubuhan portfolio *Darussalam Asset* dan sebuah syarikat di bawah portfolio dana *SDC* dengan sumbangan 1.85 peratus pada hasil portfolio dana *SDC* iaitu *Simpur Pharma Sendirian Berhad*, dengan pihak

kerajaan memegang saham sebanyak 29.4 peratus.

Pada masa ini, syarikat *Simpur* telah pun memulakan penjualan beberapa produknya di pasaran tempatan seperti Pasar Raya *Hua Ho*, *Jaya Hypermarket* dan *Guardian Pharmacy*. Bagi pasaran luar negeri pula, *Simpur* telah pun memulakan penjualan produknya ke Canada, Amerika Syarikat dan *Hongkong*.

Pada waktu ini, pihak *Simpur* sedang giat mengadakan perundingan dengan pihak-pihak tertentu bagi memperolehi persijilan halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Pengurusan *Simpur* juga sedang giat dengan kegiatan-kegiatan pemasaran di luar negara seperti di rantau China dan Timor Tengah bagi memperkenalkan produk-produk *Simpur*. Sekian yang dapat kaola berikan penerangan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulikan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis No. 9 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mempunyai satu perkara yang hendak dipersoalkan iaitu Perubahan Iklim Dunia (*Climate Change*).

Pada bulan Disember 2015, perwakilan dari 195 buah negara dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) telah menerima rangka persetujuan (*Framework Convention*) ke-1992 mengenai perubahan iklim yang bersejarah untuk mengelakkan dunia daripada malapetaka akibat perubahan iklim dengan memberi isyarat untuk memberhentikan penggunaan minyak dan gas yang mengakibatkan "*green-house emission*".

Disebabkan penggunaan *fuel* dan gas yang mengeluarkan asap *carbon dioxide* dari industri-industri besar di dunia, dari ekzos paip kenderaan-kenderaan dan pembakaran yang berleluasa menyebabkan suhu dan ozon dunia terjejas sehingga tidak menentu dan mengakibatkan paras air laut naik, banjir, tanah-tanah runtuh dan kebakaran-kebakaran berlaku. Kaola ingin tahu:-

1. Adakah Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara ahli dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) dan *ASEAN* terikat di dalam persetujuan tersebut?;
2. Jika tidak terikat, apakah sumbangan Negara Brunei Darussalam dalam persetujuan tersebut?;
3. Jika tidak, apakah strategi pihak kerajaan dalam menangani isu-isu yang disebutkan di atas bagi melindungi kesejahteraan rakyat dan negara tidak terjejas?; dan

4. Jika pengurangan penggunaan minyak dan gas dikuatkuasakan, sudah setentunya hasil Negara akan terjejas. Apakah langkah-langkah kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang untuk menstabilkan hasil dan memperkukuhkan perekonomian negara?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee atas soalan-soalan berhubung bahan iklim dunia tadi.

Seperti kenyataan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad itu tadi, bahawa *21st Convention of Parties to United Nations Framework Convention on Climate Change* yang berlangsung pada bulan Disember 2015 lepas di Paris, telah bersetuju untuk menerima dan mengguna pakai perjanjian tersebut.

Perjanjian Paris adalah satu perjanjian alam sekitar berbagai hala ataupun *Multi-Natural Environment Agreement* yang menghendaki negara-negara ahlinya melaksanakan tindakan bagi mencapai matlamat dasar rangka *convention* perubahan iklim tersebut iaitu bagi mempertingkatkan tindakan sejagat ataupun global *responds*

menangani ancaman dan kesan perubahan iklim.

Perjanjian Paris menghendaki semua negara ahlinya termasuklah Negara kita melaksanakan tindakan untuk mengurangkan pengeluaran gas yang menyebabkan perubahan iklim dan menangani kesan perubahan iklim terhadap kehidupan manusia dan sistem teknologi. Walau bagaimanapun, tindakan yang akan dilaksanakan adalah mengikut keupayaan dan kemampuan negara masing-masing.

Tatacara penguatkuasaan perjanjian tersebut ialah, perjanjian tersebut hanya akan dikuatkuasakan setelah separuh atau 50 peratus daripada jumlah bilangan negara-negara ahli konvensyen Perubahan Iklim menghadapi persetujuan bertulis untuk menjadi negara ahli rasmi kepada Perjanjian Paris yang dimaksudkan, bahawa proses ini akan mula dibuka untuk penandatanganan mulai 22 April 2016 ini.

Ringkasnya Negara Brunei Darussalam hanya akan terikat dan dikehendaki memenuhi obligasi dan komitmen untuk melaksanakan tindakan mengurangkan pengeluaran gas yang boleh menyebabkan perubahan iklim dan menangani kesan perubahan iklim setelah Negara Brunei Darussalam menghadapi perutusan untuk menjadi ahli secara rasmi kepada Perjanjian Paris tersebut.

Walaupun bagaimanapun, seperti mana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sidang kemuncak ketua-ketua negara mengenai Perubahan Iklim pada September 2014 di New York, Negara Brunei Darussalam memang berhasrat untuk bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan ahli-ahli negara-negara di dunia yang lain dalam menangani cabaran mengenai perubahan iklim ini.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda telah menyatakan mengenai hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan rancangan-rancangan berikut:-

1. Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk mengurangkan penggunaan tenaga kepada kadar 63 peratus menjelang 2035;
2. Kerajaan juga berhasrat untuk menjana kuasa sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah keperluan tenaga daripada sumber baru dan sumber yang boleh diperbaharui ataupun *renewable resources* menjelang tahun 2035; dan
3. Negara Brunei Darussalam komited untuk memperuntukkan 58 peratus daripada kawasan tanah negara bagi inisiatif hutan nadi Borneo atau pun *Heart of Borneo*.

Memandangkan sebahagian besar daripada pengeluaran gas yang boleh menyebabkan perubahan iklim adalah dari bahan bakar minyak dan gas, penjaan dan penggunaan tenaga, peranan dan kerjasama orang ramai dalam mengurangkan pengeluaran gas yang boleh menyebabkan perubahan iklim melalui amalan penggunaan tenaga secara berhemah dan berjimat cermat amatlah penting dan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dan warga sejagat dari kejadian dan kesan perubahan iklim.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Apa pun komitmen kerajaan dan negara kepada sebarang perjanjian antarabangsa seperti yang dimaksudkan tadi, akan dipastikan ia juga untuk menjaga kepetingan negara jangka panjang. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Di-Pertua.

Yang Dimulikan Jurutulis: Soalan No. 12 daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah Rabbil'alamin Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya Walmursalin Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain. Rabbish Rahli Sadri Wa Yassirli Amri Wahlul Uqtadam Mil Lisani Yaf Qahu Qauli. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-

ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebenarnya soalan kaola ini, bukanlah menyusur angin atau menyusur ombak, tetapi ia mendamaikan dalam pelayaran. Kita semua pun tahu bahawa barang-barang meningkat naik, makanya gaji perkhidmatan awam belum kedengaran bagaimana riaknya, yang masih terlabui-labui, tidak ada pergerakan dan ditakuti akan dihinggap oleh kapang-kapang.

Dalam perkara ini, kaola ingin bertanya:-

1. Adakah dalam perancangan kerajaan untuk mengkaji tangga gaji perkhidmatan awam seterusnya?; dan
2. Bolehkan Elaun Sara hidup itu dipanjangkan hingga ke akhir hayat? Barangkali itu soalan yang pendek. Kaola akan mengiringinya dengan pantun yang ada hubungan dengan soalan kaola ini iaitu:-

14 banjar petani,
Pisang emas masak di kebun,
Tidak balas membalas kami,
Siang berpanas malam berembun.

Dembo (h) jiu (ke mana kau),
Itu dia bahasa Tutong,
Allah dan Rasul sahaja yang tahu,
Ke sana sini membawa untung.

Yang Berhormat Pehin pantun yang terakhir:-

Mengail di hujung taman,
Berumpukan siar bangkita,
Hidup sakit mati tidak beriman,
Sakit hidup tidak berharta.

Demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat akan berpantun dan jua akan menjawabnya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Minta maaf Yang Berhormat, inda tahu berpantun. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengucapkan terima kasih lebih dahulu atas pertanyaan-pertanyaan yang ditimbulkan oleh Awang Haji A. Ahmad bin Husain, dengan pantun-pantunya tadi, cuma kaola inda akan dapat menjawab dengan pantun, tetapi boleh jua barangkali satu:-

Pulau Labuan tidak berbukit,
Ada bukit di Batu Karang,
Permintaan Yang Berhormat bukan sedikit,
Dari dahulu sampai sekarang.

Jadi, mengenai persoalan adakah dalam perancangan kerajaan untuk

mengkaji semula tangga gaji pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam? Kalau kaola tidak silap perkara ini telah pernah ditimbulkan oleh Yang Berhormat sendiri pada Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas. Malah seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dalam soalan yang diajukan, hampir setiap tahun soalan yang sama telah dibangkitkan dan pada setiap tahun juga penerangan-penerangan telah pun kaola berikan dengan panjang lebar dan terperinci, terutamanya mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam memastikan kos sara hidup di negara ini terkawal dan untuk tidak membebaskan mereka yang berpendapatan rendah.

Dalam hal ini, kaola dengan penuh hormat ingin menyarankan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mendapatkan maklumat mengenai perkara ini, supaya akan dapat merujuk dan menyemak jawapan-jawapan yang pernah diberikan dalam Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang terdahulu termasuklah yang telah dikemukakan pada Majlis Mesyuarat Negara tahun 2015 yang lepas.

Oleh itu, kaola tidaklah akan memberikan lagi penerangan cara panjang lebar mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik semula perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai langkah-langkah berterusan kerajaan yang telah dapat mengawal kos kenaikan sara hidup di negara ini secara berkesan.

Semua langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya golongan yang berpendapatan rendah sama ada yang berkhidmat di sektor kerajaan atau swasta atau yang bekerja sendiri akan lebih terpelihara dan terjamin.

Di samping itu kaola juga ingin sekali lagi menekankan bahawa tanggapan mengenai tiada pengkajian semula tangga gaji pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam adalah kurang tepat. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dengan keadaan ekonomi semasa yang amat mencabar yang memerlukan kerajaan untuk menangani masalah defisit yang tinggi dengan berkesan dan terurus, setentunya keutamaan perbelanjaan kerajaan pada waktu ini akan lebih ditumpukan kepada usaha-usaha memastikan kedayatahan ekonomi dan kewangan kerajaan dan negara. Kedayatahan ekonomi dan kewangan negara ini amat penting untuk membolehkan kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati oleh negara pada waktu ini akan dapat terus dikekalkan dan dapat diwariskan kepada generasi-generasi kita yang akan datang insya-Allah.

Langkah-langkah dan reformasi kerajaan bagi menangani perkara ini telah pun kaola huraikan dengan terperinci dalam pembentangan cadangan Anggaran Perbelanjaan dan hasil pendapatan kerajaan pada Tahun Kewangan 2016/2017 beberapa

hari yang lepas. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dasar kerajaan yang dipraktikkan selama ini iaitu untuk memastikan pembangunan negara adalah berdayatahan (*sustainable*) dan inklusif.

Bagi menandai matlamat tersebut, langkah-langkah yang telah diambil pihak kerajaan setakat ini, alhamdulillah telah membolehkan kos sara hidup di negara ini terkawal. Contohnya pemberian perkhidmatan kesihatan dan pendidikan secara percuma dan skim perumahan kos rendah yang diberikan subsidi oleh kerajaan telah dapat mengawal perbelanjaan bagi keperluan-keperluan tersebut. Begitu juga dengan pemberian subsidi barangan keperluan asas seperti bekalan tenaga elektrik, air, bekalan gas, beras dan gula dan sebagainya telah dapat mengawal kenaikan kos barangan asas tersebut.

Dasar-dasar menyeluruh ini alhamdulillah telah membolehkan barangan keperluan dan kemudahan perkhidmatan asas di negara ini untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini secara berpatutan sama ada mereka yang dalam perkhidmatan awam ataupun sebaliknya.

Selain kadar inflasi negara ini yang amat rendah berbanding dengan negara-negara lain sebagaimana jua yang dimuatkan dalam Laporan Tahunan *IMF*, agensi kerajaan yang berkenaan juga sentiasa membuat pemantauan terhadap kenaikan harga barangan bagi melindungi kepentingan-kepentingan

orang ramai dan pengguna-pengguna di negara ini.

Di samping itu, kerajaan melalui agensi-agensi kerajaan yang berkenaan juga ada menghulurkan bantuan-bantuan tertentu secara langsung kepada golongan yang memerlukan dan berkelayakan. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini adalah semata-mata bagi membolehkan taraf hidup rakyat dan penduduk negara ini di semua peringkat sentiasa terpelihara.

Berhubung pengkajian semula tangga gaji pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, pihak kerajaan beberapa tahun kebelakangan ini telah pun melaksanakan beberapa langkah yang telah membolehkan pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam menerima pendapatan atau *take-home-pay* yang lebih tinggi berbanding sebelumnya.

Antara perubahan tersebut termasuklah pemberian Kurnia Elaun Khas, memperkenalkan Elaun Sara Hidup, pewujudan EB-Khas dan pemberian kenaikan Mata Gaji Khas (*Accelerated Increment*). Di samping itu, selain pemberian Bonus Tahunan, sebahagian besar perkhidmatan awam juga menerima kenaikan gaji tahunan sehingga mencapai tahap maksimum yang ditetapkan. Kenaikan gaji tahunan pada kadar tertentu ini juga telah membantu dalam menampung sebarang kenaikan kos sara hidup yang disebabkan oleh inflasi pada setiap tahun.

Selain itu, melalui pengemaskini beberapa skim perkhidmatan bagi beberapa jawatan dalam perkhidmatan awam, ia telah memberikan pemegang-pemegang jawatan yang berkenaan, kenaikan gaji pokok dan tambahan elaun dan kemudahan lain melalui penyelarasan yang dilaksanakan tertakluk kepada kelayakan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. Antara jawatan-jawatan tersebut termasuk Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, guru-guru, jururawat, doktor, angkatan bersenjata, tenaga pengajar institusi pengajian tinggi dan lain-lain.

Oleh itu, kenyataan seolah-olah kerajaan tidak pernah membuat sebarang perubahan atau pengkajian terhadap tangga gaji atau kemudahan bagi kakitangan perkhidmatan awam kurang tepat dan tidak berasaskan fakta sebenar. Dalam menimbulkan cadangan seperti ini amatlah perlu kita melihat keperluan dan keutamaan secara holistik dan saksama. Fakta-fakta asas seperti keadaan ekonomi semasa, dasar dan usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta bagi mengurangkan pergantungan pada pekerja-pekerja asing begitu ramai. Tanggungan serta komitmen kewangan kerajaan bagi jangka masa sederhana dan panjang dan sebagainya perlulah semuanya diambil kira.

Dengan keadaan ekonomi yang mencabar seperti pada masa ini jumlah defisit makin meningkat, kerajaan amat mengalu-alukan dan menghargai

cadangan-cadangan positif dan membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi langkah-langkah yang bersesuaian untuk diambil oleh kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan atau meningkatkan hasil atau cadangan dapat membantu usaha kerajaan mempelbagaikan sumber perekonomian dan hasil negara yang boleh menjana lebih banyak peluang pekerjaan pada belia tempatan di negara ini. Sebarang cadangan atau pandangan dalam perkara ini sudah setentunya akan diberikan perhatian dan pertimbangan sewajarnya sebelum ia dilaksanakan nanti insya-Allah.

Mengenai soalan kedua, bolehkah Elaun Sara Hidup dipanjangkan sehingga akhir hayat. Pihak kerajaan sebagaimana yang biskita sedia maklum telah mengambil langkah proaktif pada tahun 2010 dengan memperkenalkan Skim Persaraan Caruman Tambahan. Melalui skim *SCP* ini, pihak kerajaan telah menyasarkan agar setiap pesara yang telah mencapai umur 60 tahun dan ke atas, untuk menerima bayaran *annuity* bulanan dengan kadar minimum sebanyak \$400.00 sebulan termasuk Elaun Pencen Tua sebanyak \$250.00 sebulan bagi tempoh 20 tahun tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Jumlah minimum ini akan bertambah tertakluk kepada jumlah simpanan pencarum-pencarum tersebut. Skim ini memberikan perlindungan sosial bukan sahaja kepada peserta-peserta skim TAP tetapi juga mereka dalam sektor-sektor *informal*. Bagi mencapai sasaran baki

yang mencukupi apabila mencapai umur persaraan 60 tahun, pihak kerajaan juga telah pun menyediakan kemudahan *top-up*, bagi mana-mana ahli *SCP* yang gaji minimum tidak mencapai kadar caruman minimum yang ditetapkan setiap bulan.

Di samping itu, mengambil kira skim ini hanya berkuat kuasa mula 1 Januari 2010, pihak kerajaan juga telah menghulurkan pembayaran *catch-up* berjumlah keseluruhannya hampir \$300 juta, sebagai bayaran caruman *SCP* secara kebelakangan bagi pihak peserta dan juga majikan bagi tempoh mulai tahun 1993, tarikh TAP dilancarkan sehingga 2009.

Langkah-langkah yang telah diambil ini menggambarkan bukan sahaja keprihatinan kerajaan tetapi juga kemurahan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kebajikan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini terpelihara selaras dengan dasar pembangunan yang *inclusive* dan *sustainable*.

Sekian yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain tadi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan No.13 daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid:

Terima kasih, tajuk yang saya bawa kali ini ialah Penyertaan Negara Dalam *PISA*. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan serta pihak-pihak yang berkenaan atas peningkatan dalam pencapaian Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2015 berbanding dengan tahun sebelumnya. Dijangkakan pelajar-pelajar lepasan PSR 2015 adalah kohort pertama yang akan dinilai mengikut *Programme For International Student Assesment (PISA) 2018*, penilaian pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains diberi keutamaan.

Dengan pencapaian negara yang membanggakan dalam penilaian *PISA* itu nanti, sudah setentunya akan memperkukuhkan lagi sistem pembelajaran negara kita, yang memang diakui antara yang terbaik iaitu sistem yang memandang ke hadapan sambil memperkukuhkan nilai-nilai agama dan kebudayaan dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Soalan saya, apakah rancangan serta langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan pencapaian yang berterusan dan *sustainable* terutama bagi mata-mata pelajaran Matematik dan Sains dalam penilaian *PISA* 2018 dan yang seterusnya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid mengenai *PISA* 2018 dan perancangan serta persediaan pelajar yang akan menyertai *PISA* pada tahun 2018 nanti.

Programme For International Student Assesment atau ringkasnya *PISA* ialah bagi kita mengenal pasti tahap pencapaian pelajar Negara Brunei Darussalam dengan pelajar di seluruh negara-negara yang lain. Penilaian *PISA* akan menunjukkan pencapaian pelajar dalam 3 bidang iaitu: literasi membaca (*reading literacy*), literasi matematik (*mathematical literacy*) dan literasi saintifik (*scientific literacy*). Sebagaimana yang lazim dikendalikan setiap pusingan penilaian *PISA* akan memfokus kepada antara salah satu bidang di atas.

Maka bagi penilaian *PISA* 2018, fokus akan diberikan kepada aspek literasi membaca. Pelajar-pelajar lepasan PSR 2015 adalah kohort pertama yang akan mengikuti penilaian *PISA* 2018 dan sejak 2015 Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa usaha sebagai persediaan penyertaan negara dalam penilaian *PISA* 2018 iaitu dari sudut pengajaran dan pembelajaran dan juga dari sudut kehadiran pelajar.

Di bawah sudut pengajaran dan pembelajaran, usaha pengukuhan konsep dilaksanakan di peringkat

rendah dengan tujuan untuk memastikan semua pelajar menerima pengajaran yang berkualiti dan pembelajaran yang mapan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Selari dengan itu juga, langkah-langkah mereviu semula kurikulum mata pelajaran Matematik juga turut dilaksanakan. Pengukuhan pembelajaran Matematik dalam konsep ini penting untuk memastikan pemahaman pembelajaran yang berterusan dan insya-Allah akan membantu pelajar-pelajar dalam penilaian *PISA* nanti.

Langkah analisis pencapaian mata pelajaran yang dibuat untuk membantu guru-guru mengenal pasti kelemahan pelajar mereka bagi langkah intervensi yang diambil dan difokuskan kepada topik-topik yang memerlukan lebih sokongan. Di samping itu, ibu bapa dan penjaga juga akan dapat mengetahui pencapaian atau kelemahan anak-anak mereka dan bagi memastikan mereka mengulangkaji di rumah. Kelas-kelas tambahan sama ada dalam waktu persekolahan dan juga pada setiap hujung minggu adalah juga sebahagian usaha yang diungkayahkan oleh sekolah-sekolah.

Alhamdulillah, pelaksanaan kelas-kelas tambahan disambut baik oleh pelajar dan ibu bapa. Dalam usaha memperkukuhkan pencapaian pelajar, penghasilan piawaian literasi dan numerasi (*literacy and numeracy standard*) telah dilaksanakan. Melaluinya nanti, para guru akan dapat mengetahui tahap kompetensi pelajar-pelajar

terutamanya dalam literasi dan numerasi yang merupakan 2 komponen dalam penilaian *PISA*.

Bagi memastikan pencapaian yang berterusan, guru-guru diberikan bengkel-bengkel dan latihan-latihan meningkatkan kapisiti mereka. Di samping itu, kandungan kurikulum yang dikaji juga akan memenuhi keperluan jangkaan global atau tahap global.

Menyentuh pula mengenai isu kehadiran, ia dilihat sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan pelajar. Pelbagai sesi yang melibatkan ibu bapa dan penjaga telah dilaksanakan oleh sekolah-sekolah untuk menjalin hubungan antara rumah dan sekolah bagi meningkatkan kefahaman tentang kepentingan kehadiran anak-anak bersekolah.

Dengan strategi-strategi yang kaola kongsi ini tadi, maka kita mengharapkan ia akan dapat merapatkan jurang perbezaan tahap kompetensi pelajar-pelajar dalam *PISA*, insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Usaha-usaha ke arah meningkatkan literasi dan numerasi, meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan memastikan kehadiran anak-anak murid di sekolah bukanlah semata-mata sebagai usaha persediaan penyertaan negara bagi penilaian *PISA* 2018 sahaja. Ia sebahagian daripada strategi keseluruhan Kementerian Pendidikan

untuk meningkatkan tahap pencapaian pelajar sekolah rendah secara keseluruhan melalui berbagai-bagai inisiatif dan program intervensi yang kini dalam pelaksanaan dan dengan kerjasama Kumpulan PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri, insya-Allah, kita akan dapat memastikan bahawa pencapaian pelajar-pelajar di sekolah rendah bukan hanya bagi tahun 2015 tetapi diharapkan pada tahun-tahun akan datang juga.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan. Sekali lagi kaola ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi izin untuk menjawabnya. Sekian, wassalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan soalan-soalan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Sebagaimana yang diketahui, bahawa sebelum kita menangguhkan Mesyuarat kita pada hari Khamis yang lalu, kita telah telah membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2016), Perbekalan, 2016/2017 satu persatu, dan oleh sebab keperluan yang berkenaan, maka sekarang saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dahulu.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada petang Khamis lalu telah membincangkan Kementerian Kewangan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah menyampaikan mukadimahya berkenaan dengan belanjawawan kementerian tersebut dan seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai Belanjawan kementerian berkenaan itu.

Saya berpandangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) masih lagi ingin untuk berucap, menjawab soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan itu.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada 7 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan sebanyak 12 buah pertanyaan dan isu termasuk jua mengemukakan pandangan dan cadangan mengenai Tajuk-Tajuk di bawah peruntukan Kementerian

Kewangan pada hari khamis yang lalu. Sekarang izinkanlah kaola memperjelaskan isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam ini.

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat dua agensi yang terlibat dalam menangani perkara ini iaitu Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan *Authority Monetary Brunei Darussalam (AMBD)*. Sebenarnya langkah-langkah pemberigaaan celik kewangan ini telah pun dilaksanakan secara berterusan dari awal oleh TAP dan juga *AMBD*.

Matlamatnya memanglah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai pengurusan dan perancangan kewangan. Antara inisiatif yang telah diambil termasuklah dengan mengadakan sesi-sesi taklimat dan jerayawara. Usaha-usaha meningkatkan celik kewangan ini juga dikendalikan melalui kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang berkenaan dan juga institusi-institusi kewangan di negara ini.

Inisiatif-inisiatif lain yang telah dilaksanakan oleh TAP dan agensi-agensi kerajaan lain dan masih lagi diteruskan sehingga sekarang, antaranya termasuklah:-

1. Mengadakan seminar dan forum serta jerayawara yang berkaitan dengan perancangan kewangan (*financial palnning*) kepada penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi, belia yang baru memasuki alam pekerjaan, kakitangan kerajaan yang bersara malah juga orang-orang yang akan berkahwin;
2. Mengadakan program menyusur kampung, iaitu taklimat perancangan kewangan di mukim-mukim dan kampung-kampung dengan bantuan para penghulu dan ketua-ketua kampung; dan
3. Mengadakan program mentor perancangan kewangan iaitu dengan mengadakan pertandingan antara sekolah-sekolah dengan bantuan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi kewangan.

Berdasarkan maklum balas dan respons yang diterima daripada peserta-peserta, alhamdulillah, menunjukkan peningkatan dalam kesedaran orang ramai mengenai kepentingan perancangan kewangan terutama dalam kalangan belia yang baharu memasuki alam pekerjaan.

Mengenai cadangan untuk menubuhkan satu badan untuk menerajui dan melaksanakan strategi celik kewangan di peringkat kebangsaan, insya-Allah ia akan dikaji, jika didapati langkah-langkah yang diambil setakat ini masih kurang berkesan. Dalam hal ini, kaola jua ingin menekankan bahawa

kesedaran mengenai kepentingan dalam pengurusan dan perancangan kewangan ini perlu juga didukung di peringkat masyarakat dan keluarga yang merupakan tunjang utama dalam mendidik anak-anak dan belia mengenai perancangan kewangan dan menanamkan sikap berhemah dalam berbelanja serta berbelanja mengikut kemampuan masing-masing.

Isu berkaitan celik kewangan ini bukan sahaja memerlukan kerjasama dari agensi-agensi kerajaan tetapi ia lebih berkesan melalui pendekatan secara *whole nations*.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid iaitu bagi kadar caruman TAP untuk dinaikkan. Dalam hal ini, pihak kerajaan memang amat peka akan pentingnya tabungan peserta-peserta TAP dalam menjamin saraan hidup apabila mereka bersara nanti.

Walau bagaimanapun, dalam menimbangkan sebarang cadangan berkaitan perkara ini yang termasuk jua yang diajukan oleh Yang Berhormat pada hari Khamis yang lepas, kajian perlu dibuat secara terperinci agar dasar yang akan dihasilkan nanti adalah kukuh dan tidak memberi impak negatif kepada usaha atau dasar lain yang berkaitan. Antara faktor yang perlu diambil kira termasuklah kesan kenaikan kadar caruman kepada kos perniagaan di negara ini, keupayaan kewangan pencarum atau peserta terutama mereka yang berpendapatan rendah, unjuran kenaikan kos sara hidup dalam

jangka masa sederhana dan panjang. Kesan kepada perkembangan sektor swasta dan usaha mempelbagaikan dan kedayatahan ekonomi negara dan sebagainya. Sebab itulah, perkara ini masih lagi dalam kajian dan penelitian berterusan Kementerian Kewangan walaupun ia telah ditimbulkan pada sesi mesyuarat yang lepas.

Walau bagaimanapun, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid kerana menimbulkan lagi perkara ini.

Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat juga skim SCP telah diperkenalkan pada tahun 2010 yang mana menjadikan kadar caruman untuk skim persaraan mandatori meningkat dari 5 peratus kepada 8.5 peratus iaitu 5 peratus untuk akaun TAP dan 3.5 peratus untuk akaun SCP. Kaola ingin mengongsikan bahawa mulai tahun 2011 TAP juga telah pun memperkenalkan apa yang digelar Caruman Sukarela bagi menggalakkan ahli TAP atau para majikan mencarum lebih dari kadar yang ditetapkan.

Semenjak skim ini diperkenalkan jumlah terkumpul bagi Caruman Sukarela TAP telah pun mencapai 981,618 sehingga Januari 2016 sebanyak 239 ahli TAP, 70 dari sektor kerajaan dan 169 dari sektor swasta telah membuat Caruman Sukarela pada setiap bulan. Manakala, terdapat sebanyak 24 majikan di negara ini yang membuat caruman antara 6 peratus hingga 15 peratus iaitu

melebihi kadar 5 peratus yang ditetapkan oleh kerajaan. Perkara ini menggambarkan keprihatinan majikan-majikan berkenaan terhadap kebajikan para pekerja yang memberikan sumbangan dan memajukan serta memperkembangkan syarikat-syarikat berkenaan.

Dengan langkah-langkah kerajaan mengurangkan beban kewangan syarikat-syarikat seperti penurunan kadar cukai korporat dan inisiatif-inisiatif cukai yang lain diharapkan lebih banyak lagi majikan yang akan meningkatkan kadar caruman bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan bagi pekerja-pekerjanya.

Yang Berhormat Pengerusi, mengenai saranan dan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang berhubung kait dengan pengeluaran sukuk di negara ini, kaola ingin mengongsikan bahawa objektif asal pengeluaran sukuk yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui *AMBD* sebenarnya bertujuan untuk membangunkan pasaran modul ataupun *capital market* di negara ini. Ia bukanlah bertujuan sebagai pinjaman untuk membiayai projek-projek kerajaan atau *GLCs*. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa meneliti dan mengkaji jika terdapat keperluan untuk menambah nilai sukuk yang dikeluarkan dari \$100 juta pada masa ini kepada satu jumlah yang lebih tinggi.

Untuk makluman jua, kerajaan telah mula mengeluarkan sukuk yang lebih

tinggi yang mempunyai *maturity* yang lebih panjang iaitu setahun berbanding hanya 3 bulan semasa pengeluaran sukuk mula dilancarkan dahulu. Memang tidak dinafikan di negara-negara lain, syarikat-syarikat korporat termasuk milik kerajaan mengeluarkan sukuk atau *bond* untuk membiayai keperluan pelaburan mereka dan untuk membolehkan sukuk dan *bond* tersebut dipasarkan dalam pasaran global.

Syarikat berkenaan perlu mempunyai *rating* daripada agensi-agensi yang diiktiraf. *Rating* ini juga diperlukan bagi pihak kerajaan yang berhasrat untuk mengeluarkan sukuk ke pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam belumlah berhasrat untuk membuat pengeluaran sukuk ke pasaran global.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan satu *capital market* atau bursa saham yang akan menjadi satu *platform* bagi perdagangan sekuriti-sekuriti ini dan juga saham-saham syarikat-syarikat tempatan. Perkara ini memang dalam perancangan pihak kerajaan. Pada masa ini, satu jawatankuasa telah pun ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kewangan untuk menggerakkan inisiatif ini. Oleh itu, beberapa langkah sedang dirancang dan diambil bagi memastikan penubuhan bursa saham di negara ini akan berdaya tahan dan berdaya maju dan mendukung usaha

mengembangkan pasaran modal di negara ini. Malah pada waktu ini pihak *AMBD* telahpun mendapatkan khidmat seorang pakar bagi membantu dalam perancangan dan pelaksanaan penubuhan bursa saham ini. Cuma apa yang perlu juga kita maklumi di sini, dalam menubuhkan saham ini, beberapa elemen penting juga perlu kita adakan seperti *legal infrastructure, capacity building* dan juga syarikat-syarikat yang akan disenaraikan dalam bursa saham tersebut.

Berhubung dengan pengeluaran sukuk bagi syarikat-syarikat milik kerajaan atau *GLC's*. Setentunya dengan matlamat didikan *GLC's* sebagai satu cabang untuk mengukuhkan sektor swasta di negara ini dan mendukung dasar pembelbagaian ekonomi negara, pembiayaan projek-projek pelaburan akan mengambil kira semua aspek komersial. Ini termasuk jika terdapat keperluan modal pelaburan yang lebih menguntungkan atau untuk dimitigasi risiko pelaburan yang dibuat boleh berasaskan pinjaman sama ada melalui pengeluaran sukuk atau pinjaman daripada institusi kewangan. Projek-projek yang menggunakan sukuk perlulah dipilih dengan mengambil kira antara lain *commercial by ability* keutamaannya dalam menjana ekonomi negara dan sumbangan kepada pendapatan negara secara keseluruhannya.

Mengenai isu dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin berkaitan dengan pengurusan simpanan

beras negara oleh Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, kaola berpendapat bahawa perkara ini bersangkut paut dengan prosedur yang sememangnya telah pun diamalkan oleh jabatan berkenaan. Pihak kerajaan perlu memastikan bukan sahaja negara mempunyai simpanan beras yang mencukupi *food security* tetapi beras yang dibekalkan dan dijual kepada orang ramai berkualiti tinggi dan selamat untuk dimakan. Oleh itu, Jabatan Perbekalan dan Stor Negara sentiasa memastikan amalan terbaik diguna pakai dalam pengurusan simpanan beras negara. Antara kaedah yang dilaksanakan dalam pengurusan penyimpanan beras ini termasuklah:-

1. Melaksanakan kawalan haiwan perosak (*pest control*);
2. Melaksanakan fumigasi mengikut jadual sekurang-kurangnya setiap tiga bulan;
3. Melaksanakan proses pengasapan (*fogging*) apabila diperlukan;
4. Cara penyusunan secara *interlocking*;
5. Stok beras diletakkan di atas kalang (*wooden palette*); dan
6. Pengeluaran berasaskan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, *first in first out*. Amalan ini juga selaras juga dengan Peraturan Kewangan 1983.

Kaola ingin juga mengongsikan bahawa bagi kontrak perjanjian pembekalan beras wangi dari negara-negara Thailand dan Cambodia, setiap pembekalan adalah dipersyaratkan untuk membekalkan beras wangi yang baru dituai (*new crop*).

Di samping itu, kontrak perjanjian juga mempersyaratkan bagi setiap penghantaran beras untuk diperiksa terlebih dahulu oleh *independent surveyor* bagi memastikan beras tersebut berkualiti dan yang pentingnya selamat untuk dimakan. Bagi mematuhi piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan penghantaran, pembekal-pembekal juga dikehendaki untuk menggunakan kontena *zero defects* dan beras tersebut hendaklah mendapat sijil-sijil fumigasi dan *pest sanitary*.

Seperti mana penerangan awal tadi, Jabatan Perbekalan dan Stor Negara telah mengamalkan dasar pengeluaran beras berasaskan kepada *first in first out (FIFO)*. Mengambil kira perkara tersebut *turnover inventory* beras adalah sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh ia diterima. Praktis ini telah dapat menjamin kualiti beras yang disimpan di dalam gudang Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dan dibekalkan untuk jualan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang kaola ingin beralih kepada persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, yang juga sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin

Akim, mengenai dengan kelambatan pembayaran kepada syarikat-syarikat khususnya syarikat kenderaan yang berkontrak dengan Kementerian Pendidikan dan juga kaitannya dengan komitmen dan integriti pegawai-pegawai yang mengendalikan proses pembayaran berkenaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar juga mencadangkan bagi satu badan pemantau ditubuhkan dan juga tempat membuat aduan hal-hal yang berhubung dengan pembayaran dan menimbulkan sama ada ganti rugi boleh dituntut, jika orang perseorangan atau syarikat dikenakan denda oleh pihak bank kerana terlewat membayar komitmen disebabkan oleh pembayaran lambat oleh pihak kerajaan.

Dalam hal ini, kaola ingin lebih dahulu memperjelaskan perkara-perkara berikut, untuk pengetahuan orang ramai terutamanya pembekal-pembekal dan syarikat-syarikat yang berurus dengan kerajaan:-

1. Menjadi keutamaan dan komitmen Jabatan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan, bagi setiap tuntutan pembayaran dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kita memang menyedari dan faham mengenai kepentingan syarikat-syarikat yang aliran tunai bagi mengurus perniagaan masing-masing; dan
2. Selaras dengan objektif dan komitmen tersebut,

Jabatan Perbendaharaan berterusan mengambil inisiatif dan melaksanakan program-program bukan sahaja untuk mempercepatkan proses pembayaran tetapi juga memantau proses pembayaran tuntutan yang diterima oleh mana-mana jabatan kerajaan.

Ke arah itu, beberapa langkah telah diambil bagi meningkatkan lagi kecekapan proses pembayaran ini, antaranya:-

1. Meningkatkan keupayaan (*enhancement*) ke atas sistem *TAFIS* melalui *invoice tracking module*. Fungsi ini bertujuan memudahkan Jabatan Perbendaharaan dan juga jabatan-jabatan yang tuntutan dibuat mengesan dan memantau status pembayaran ke atas tuntutan-tuntutan dari mana-mana syarikat berkenaan berdasarkan nombor invois atau tuntutan yang diterima;
2. Memastikan setiap tuntutan atau invoice yang diterima dikeluarkan *notification slip* oleh jabatan-jabatan yang menerima tuntutan tersebut. Ini ialah bagi memudahkan pemborong dan pembekal perkhidmatan merujuk status tuntutan pembayaran masing-masing ke kementerian dan jabatan tempat tuntutan dihadapkan; dan
3. Memperkenalkan *e-mail notification* bagi menentukan status pembayaran tuntutan-tuntutan pembekal yang telah dikeluarkan *notification slip*. Melalui fungsi ini,

syarikat-syarikat akan dimaklumkan melalui *e-mail status* pembayaran yang dibuat. Fungsi ini akan memudahkan setiap syarikat untuk membuat rujukan atau pertanyaan kepada agensi berkenaan mengenai status tuntutan pembayaran mereka. *Enhancement* ini juga bertujuan meningkatkan akauntabiliti kementerian, jabatan serta ketelusan dalam projek pembayaran kerajaan. Jabatan Perbendaharaan juga telah menubuhkan *sub-treasury office* di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi mengurangkan lagi proses yang diperlukan dalam pembayaran tuntutan-tuntutan projek-projek RKN.

Berdasarkan perangkaan dan *Invoice Tracking System* ini, ia telah menunjukkan bahawa kira-kira 95.4 peratus atau 1,027,233 invois dari tuntutan yang diterima oleh pihak kerajaan telah dibayar 70.9 peratus atau 728,567 invois adalah dalam tempoh kurang daripada 30 hari, manakala selebihnya masih dalam pembayaran. Proses pembayaran tuntutan dari syarikat-syarikat kepada mana-mana jabatan kerajaan melalui sistem *TAFIS*. Oleh itu, penting setiap syarikat menerima *notification slip* setiap kali tuntutan dihadapkan kepada mana-mana jabatan kerajaan bagi memudahkan rujukan dan bagi mendapatkan makluman melalui e-mel berhubung status pembayaran masing-masing.

Mengenai cadangan penubuhan satu badan pemantauan dan juga tempat membuat aduan, sebenarnya satu jawatankuasa mengenai isu pembayaran telah pun ditubuhkan sejak tahun 2013 yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kewangan. Hasil dari penubuhan jawatankuasa maka tersebutlah beberapa inisiatif, termasuk antaranya seperti yang kaola huraikan tadi telah diambil bagi memperkesakan lagi proses pembayaran kerajaan.

Di samping itu, Jabatan Perbendaharaan juga menyediakan laporan prestasi pembayaran pada setiap bulan yang dikelilingkan kepada kementerian-kementerian untuk mengambil maklum dan tindakan yang bersesuaian terhadap invoice yang masih tertunggak.

Dalam hal ini, mana-mana pihak boleh membuat aduan berhubung hal-hal berkaitan pembayaran atau apa jua perkara berkaitan sebarang proses atau perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan atau jabatan-jabatan didalamnya kepada mana-mana pegawai berkenaan di Jabatan Perbendaharaan atau Kementerian Kewangan, sama ada diperingkat kaola sendiri, Timbalan Menteri Kewangan, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Jurukira Agung dan lain-lain. Mereka ini boleh dihubungi melalui e-mel yang boleh didapati dari laman *web* Kementerian Kewangan.

Di sini kaola ingin menyarankan bagi Yang Berhormat untuk mengongsikan sebarang dokumen yang berkaitan dengan pembayaran-pembayaran

lambat yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi membolehkan Kementerian Kewangan menyasiat perkara ini untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mengelakkan perkara ini dari berulang.

Berhubung persoalan sama ada orang perseorangan atau syarikat dibolehkan untuk menuntut ganti rugi jika mereka didenda oleh bank kerana terlewat membayar komitmen mereka disebabkan pembayaran lambat, pada masa ini, pihak kerajaan belumlah ada membuat sebarang perancangan bagi mengubah peraturan kewangan yang berkaitan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekarang ingin beralih kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*). Sebagaimana kita sedia maklum, (*RB*) telah ditubuhkan oleh kerajaan bagi mencapai beberapa matlamat strategik negara, terutama dalam memberikan perhubungan melalui udara pada beberapa bandar raya utama di rantau di negara ini dan antarabangsa untuk mendukung berbagai-bagai keperluan terutama aktiviti perekonomian, sektor pelancongan dan sebagainya.

Alhamdulillah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun industri penerbangan antarabangsa secara keseluruhannya amat mencabar dengan persaingan yang sengit dari syarikat-syarikat penerbangan yang lebih kukuh dan bermodal tinggi serta pengenalan

bajet *airline*, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*) telah mencapai beberapa kemajuan yang telah dapat meningkatkan tahap perkhidmatan dan juga prestasi kewangannya.

Melalui langkah-langkah yang diambil seperti penjenamaan semula syarikat, penstrukturan semula organisasi, penggantungan beberapa laluan penerbangan serta pengenalan pesawat-pesawat baharu seperti *B787 Dreamliner* dan *A320 NEO* yang telah dapat meningkatkan tahap kualiti produk yang ditawarkan dan memberikan penjimatan *fuel efficiency* dan langkah-langkah penjimatan kos yang lain. Ia telah dapat membawa kepada *cost rationalization* bagi operasi syarikat.

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat sendirian berhad, maklumat-maklumat komersial seperti tahap jualan, tahap keuntungan atau kerugian dan sebagainya, dukacita tidaklah dapat kaola kongsi kerana ianya mempunyai *sensitivity commercial* tertentu.

Seterusnya, kaola ingin memperjelaskan mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai isu perbelanjaan kerajaan untuk membayar rumah persendirian, sedangkan potongan gaji pegawai berkenaan sedikit bagi pulangan kerajaan. Kaola ingin lebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai perkara ini.

Di sini, kaola ingin mengongsikan bahawa setiap tahun perbelanjaan kerajaan bagi penyediaan rumah-rumah sewa ini untuk didiami oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkelayakan ialah kira-kira \$140 juta. Walau bagaimanapun, kutipan kerajaan hasil dari potongan gaji pegawai dan kakitangan berkenaan adalah kurang daripada \$10 juta setahun. Ini menunjukkan bahawa subsidi yang dihulurkan oleh kerajaan ialah melebihi 90 peratus setahun. Ke arah itu pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan sedang meneliti dan mengkaji semula dasar-dasar kelayakan untuk mendiami rumah-rumah sewa kerajaan dan sebagainya dan langkah ini juga selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan orang ramai untuk memiliki rumah sendiri dengan lebih awal.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang berkaitan dengan *CAE Brunei Multipurpose Training Centre Sdn. Bhd.* Kaola ingin mengongsikan bahawa *CAE Brunei MPTC* ini telah ditubuhkan pada bulan Mac 2012. Syarikat ini adalah usaha sama antara *CAE in Canada* dan *Strategic Development Capital*, Kementerian Kewangan dengan objektif untuk menjadikan *CAE Brunei MPTC* sebagai sebuah fasiliti latihan yang bertaraf dunia. Fasiliti ini telah dibuka pada bulan April 2014 dan setakat ini, alhamdulillah *CAE Brunei MPTC* telah berjaya mendapatkan beberapa kontrak bukan sahaja dari agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan malahan

juga dari pelanggan-pelanggan antarabangsa, termasuk syarikat-syarikat dari China dan Australia. Sebagai sebuah syarikat komersial *CAE Brunei MPTC* akan terus giat memasarkan perkhidmatan mereka kepada pelanggan-pelanggan lain di rantau Asia dan antarabangsa.

Mengenai persoalan sama ada anak tempatan yang mengikuti latihan memperoleh pekerjaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, latihan yang dikendalikan di *CAE Brunei MPTC* ini merupakan *specialize stimulation training* seperti yang diperlukan oleh tentera udara, syarikat-syarikat minyak dan gas yang menjalankan operasi *offshore* dan mana-mana syarikat atau agensi kerajaan yang memerlukan latihan khas tertentu. Oleh yang demikian, latihan tersebut bukanlah bagi belia yang berhasrat untuk mencari pekerjaan atau mereka yang baru menamatkan pelajaran.

Mengenai jumlah pelaburan dan unjuran pulangan dari pelaburan tersebut kaola lagi sekali tidaklah dapat mengongsikan maklumat-maklumat berkenaan memandangkan ia maklumat komersial yang terhad. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam *CAE Brunei MPTC* ini sepenuhnya berasaskan penilaian komersial untuk memperoleh keuntungan.

Kaola beralih untuk menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai perniagaan yang dilaksanakan oleh satu bangsa yang

berkembang dengan pesat walaupun tidak pernah menghadiri kursus atau bengkel yang penting bagi mereka ialah bangunan atau bilik sahaja dan perniagaan mudah saja berkembang maju dan cepat. Pada pendapat kaola, pengamatan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan satu contoh mengenai usaha gigih dan sikap positif yang perlu diteladani oleh mana-mana pihak yang berhasrat menjadi seorang peniaga atau pengusaha yang berjaya.

Di pihak kerajaan memang berbagai-bagai inisiatif telah diambil untuk menggalakkan lebih banyak anak-anak tempatan melibatkan diri dalam bidang dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka. Pelbagai skim kemudahan juga turut disediakan termasuk kewangan, latihan seperti *entrepreneurship village* di UBD. *i-Center* dan lain-lain yang telah dihuraikan secara panjang lebar oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri di dalam penerangan beliau beberapa hari yang lalu.

Alhamdulillah, kita berbangga bahawa pada masa ini kita juga telah dapat melihat ramai belia tempatan yang telah menceburi secara aktif dalam bidang keusahawanan, ada sebahagiannya secara sepenuh masa dan yang lainnya bagi mendapatkan pendapatan sampingan. Mereka ini sebahagian besarnya memasarkan produk-produk mereka dengan menggunakan kemudahan-kemudahan teknologi

seperti *IT* yang ada pada masa ini. Misalannya penjualan secara *online*, melalui *facebook*, *instagram* dan juga melalui penjualan secara *cube*.

Usaha-usaha gigih seperti ini sangat dialu-alukan dan boleh dijadikan pemangkin kepada pertumbuhan kecil dan sederhana dan ekonomi negara secara keseluruhan. Oleh itu sudah tiba masanya kita selaku masyarakat di negara ini berterusan memberikan sokongan, dukungan dan bimbingan kepada para belia yang bersikap positif dan berdikari seperti ini. Kita juga boleh berbangga kerana sebahagian anak-anak tempatan ini juga mencari dan meneroka peluang untuk memperkembangkan perniagaan mereka ke luar negara tanpa berharap kepada bantuan daripada pihak kerajaan.

Pihak kerajaan, insya-Allah akan berterusan memberikan kerjasama dan sokongan yang bersesuaian dalam memupuk dan mengembangkan semangat serta kemahiran keusahawaan dalam kalangan pengusaha tempatan terutama sekali generasi muda ini.

Yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi ialah bagi menjawab soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Di sini ingin kaola mengongsikan bahawa salah satu bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Perbekalan dan Stor Negara ialah membekalkan perkakas, peralatan

pejabat dan alat tulis kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Pada waktu ini, syarikat-syarikat yang berjaya telah pun dipersyaratkan untuk menghantar terus pesanan perkakas, peralatan pejabat dan alat tulis tersebut terus kepada kementerian dan jabatan yang memohon. Oleh yang demikian, Jabatan Perbekalan dan Stor Negara tidaklah lagi menyimpan stok perkakas, peralatan pejabat dan alat tulis di dalam gudang mereka. Kompleks Stor Negara adalah di khususkan untuk menyimpan beras dan gula yang diimport dari negara-negara Thailand dan Cambodia. Selain itu kompleks juga mendapatkan barang-barang pecah-belah dan lain-lain barangan yang ditetapkan sahaja.

Ruang-ruang stor kosong sepertimana yang dilihat oleh Yang Berhormat akan bertambah apabila beras dan gula ini disimpan dan akan dijual kepada syarikat-syarikat yang berdaftar walau bagaimanapun, ruang yang kosong tersebut akan *direserved* bagi penerimaan beras dan gula yang import mengikut jadual yang ditetapkan dalam konteks perjanjian dan syarat-syarat pembekal.

Oleh yang demikian, sebarang kekosongan yang terdapat di dalam kompleks Stor Negara ini adalah pada waktu-waktu yang tertentu dan sementara sahaja. Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi ruang-ruang kosong ini untuk disewakan, perkara ini perlulah diteliti secara mendalam memandangkan Kompleks Stor Negara,

Gadong ini dikategorikan sebagai kawasan terkawal atau *restricted area*. Berasaskan kepada perkara ini, kerajaan pada masa ini belumlah mempunyai sebarang perancangan bagi menyewakan ruang-ruang kosong yang terdapat di Kompleks Stor Negara tersebut.

Sekianlah saja yang dapat kaola perelaskan bagi menjawab soalan-soalan daripada 7 orang Yang Berhormat tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah tadi mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bagi soalan ataupun pertanyaan yang dikemukakan oleh 7 orang Ahli Yang Berhormat mengenai Tajuk SDO1A hingga SDO9A - Kementerian Kewangan. Sekarang mengikut prosedur kita saya akan mengundi Tajuk ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Tajuk ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Tidak ada yang menentang, terima kasih. Oleh yang demikian, Tajuk SDO1A hingga SDO9A - Kementerian Kewangan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SDO1A hingga SDO9A - Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih bersidang di peringkat Jawatankuasa dan sekarang saya ingin menangguhkan dahulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula di Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara ini. Dengan itu saya tangguhkan ini untuk kita berehat selama 30 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih lagi membahaskan Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita membincangkan dan meneliti Rang Belanjawan ini satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan tadi, kita telah meluluskan Rang Belanjawan Kementerian Kewangan yang mana telah pun dijadikan sebahagian daripada jadual. Walau bagaimanapun, sebelum kita berpindah kepada Tajuk jadual belanjawan seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan tambahan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan semasa kita membincangkan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah pun kita luluskan pada hari Khamis yang lalu. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal
Dalam Negeri:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Pada hari Khamis yang lalu, kaola telah menjawab soalan-soalan daripada 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan kaola belum menjawab satu soalan lagi daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai Projek Taman Dalam Bandar dan kedudukan Majlis Perundingan

Kampung, serta satu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai penyertaan Majlis Perundingan Kampung dalam menyertai sebutharga.

Yang Berhormat Pengerusi, mengenai persoalan Projek Taman Dalam Bandar ini yang mana atas pemerhatian Yang Berhormat terdapat kawasan taman, pokok dan tanaman-tanaman landskap berada di dalam keadaan yang tidak begitu rapi dan teratur, perkara ini abis kaola ambil perhatian dan, insya-Allah, akan diperbaiki dari semasa ke semasa mengikut keutamaannya. Untuk makluman, pemeliharaan ke atas taman-taman, bunga-bunga dan landskap di tepi-tepi jalan di kawasan bandaran Bandar Seri Begawan dikawal secara bersama antara Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Kementerian Pembangunan.

Perkara kedua yang dibangkitkan, tentang Majlis Perundingan Kampung yang didapati sebahagiannya tidak begitu aktif.

Majlis Perundingan Kampung diterajui oleh Ketua Kampung dengan kerjasama daripada anak-anak buah kampung yang berperanan menjadi anggota ahli Majlis Perundingan Kampung. Maju jaya dan aktifnya sesebuah kampung tersebut adalah terletak di tangan dan pengurusan Majlis Perundingan Kampung dengan kepimpinan Ketua Kampungnya sendiri.

Kaola penuh percaya Ketua-ketua Kampung yang dedikasi dan aktif akan setentunya dapat membawa Majlis Perundingan Kampung bergerak maju dan aktif serta dapat menyatu padukan seluruh anak buah kampung berkenaan. Di samping itu, Jabatan-jabatan Daerah dari semasa ke semasa akan menghulurkan khidmat nasihat dan latihan bagi membimbing Majlis Perundingan Kampung supaya senantiasa aktif.

Kaola berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan penyertaan Majlis Perundingan Kampung Lumut II ke atas balai raya melalui kerja-kerja sebut harga.

Saya mengucapkan tahniah kepada daya usaha Majlis Perundingan Kampung Lumut II ini dan kerja-kerja pemeliharaan ke atas kemudahan awam, apa tah lagi kemudahan yang secara langsung digunakan oleh orang kampung telah dapat dipelihara sendiri oleh Majlis Perundingan. Ini sudah setentunya akan menjadikan Majlis Perundingan Kampung lebih menjaga dan memelihara kemudahan awam tersebut dan, dalam hal ini, balai raya berkenaan dapat dipelihara sepanjang masa.

Kaola merasa bahawa tidak ada halangan bagi Majlis Perundingan Kampung yang lain untuk menyertai atau diberikan peluang untuk ikut serta dalam kerja-kerja sebutharga, mengikut tata cara peraturan kewangan yang berjalan pada masa ini dan pendaftaran

syarikat. Sekian saja yang dapat kaola sampaikan untuk tambahan kepada penjelasan kaola pada hari Khamis yang lalu. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin. Sekarang kita berpindah ke Tajuk Belanjawan seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang mula membincangkan Belanjawan Kementerian Pendidikan. Sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, saya sekarang memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyampaikan pendahuluannya atau mukadimahnyanya mengenai dengan Belanjawan Kementeriannya. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassalaatu Wassalaamu Alaa Asyrafil Mursalin, Sayidina Muhammadin, Waala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberi kesempatan bagi kaola untuk memberikan penerangan mengenai

dengan fokus dan sasaran Kementerian Pendidikan dalam menyediakan Peruntukan Kementerian Pendidikan bagi 2016/2017.

Sebelum tajuk ini dibincangkan, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Terlebih dulu, kaola bagi pihak Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperuntukkan Kementerian Pendidikan sebanyak B\$726,654,440.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017.

Kita amat bersyukur bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat menyediakan peruntukan ini di sebalik keadaan ekonomi negara yang merudum untuk memastikan perancangan kemajuan negara masih diteruskan untuk menjamin kemajuan dan juga ke arah memastikan kesejahteraan dan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dalam pembentangan Peruntukan Kewangan 2016/2017, peruntukan kerajaan kini menggunakan kaedah *program and performance budgeting* yang lebih menekankan kepada pencapaian atau pun keberhasilan perbelanjaan mengikut

sasaran-sasaran pentunjuk prestasi utama (*key performance indicators (KPI)*) Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Di bawah Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 Kementerian Pendidikan ini, sejumlah B\$507,278,350.00 disediakan untuk gaji kakitangan, \$204,331,090.00 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang dan \$15,045.000.00 bagi Perbelanjaan Khas. Perbelanjaan Khas ini adalah bagi melaksana 11 projek antaranya bagi Pembangunan Strategik Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, Projek *Programme for International Student Assessment (PISA) and PISA-Based Test for Schools (PBTS)*, pembelian peralatan bagi kursus-kursus baharu dipengajian tinggi dan penggantian peralatan dan perkakas komputer di bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional dan projek menaik taraf dan membaik pulih aset-aset bangunan Kementerian Pendidikan dan pembelian peralatan sekolah-sekolah.

Insya-Allah, Kementerian Pendidikan akan mengambil sikap berhemah dalam berbelanja mengikut keperluan dan keutamaan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan telah menetapkan 7 program utama dalam melaksanakan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 ini. Program-program ini adalah saling mendukung antara satu sama yang lain untuk memperkesakan lagi usaha Kementerian Pendidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Program-program tersebut adalah:-

1. Pengurusan Dasar dan Pentadbiran;
2. Perancangan Sektor Pemantauan dan Perkembangan Sistem;
3. Pendidikan Rendah;
4. Pendidikan Menengah;
5. Pendidikan Teknikal dan Vokasional;
6. Pengajian Tinggi; dan
7. Program lain dan Institusi Pendidikan.

Kementerian Pendidikan telah juga mengenal pasti 13 *indicator* bagi mengukur keberkesanan pencapaian Pertunjuk Prestasi pertama (*KPI*). Sasaran bagi setiap *indicator* ditentukan dan bersandarkan impak atau keberhasilan yang dicapai mengikut kumpulan sasaran.

Semuanya ini bertujuan merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, Berkemahiran tinggi dan berjaya. Rakyat menikmati kehidupan yang berkualiti tinggi dan Ekonomi negara dinamik dan berdaya tahan.

Kementerian Pendidikan telah menasaskan pencapaian pelajar dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi sebagai Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*). Inisiatif bagi meningkatkan pencapaian dalam Pendidikan Rendah (*Primary Education*

Initiative) telah mula dilaksanakan pada penghujung tahun 2014. Pada tahun 2015 kita telah menasaskan sebanyak 74 peratus pelajar yang menduduki Penilaian Sekolah Rendah untuk mencapai Gred A hingga C.

Melalui berbagai-bagai inisiatif tersebut keputusan PSR 2015 ialah 67 peratus bagi Gred A hingga C. Walaupun tidak mencapai sasaran pencapaian, keseluruhan ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.5 peratus dari tahun sebelumnya. Bagi tahun 2016 ini, Kementerian Pendidikan telah mereviu semula sasarannya kepada 79 peratus bagi Gred A hingga Gred C dalam semua mata pelajaran. Bermula pada tahun 2016 ini juga Kementerian Pendidikan telah menasaskan 49.1 peratus pelajar untuk mencapai 5 'O' Level ke atas di peringkat menengah.

Bagi tahun 2017 sebanyak 60 peratus pelajar disasarkan untuk mendapat 5 'O' Level atau lebih. Sasaran ini diharapkan dapat dicapai dengan adanya Program Inisiatif Pendidikan Menengah yang diperkenalkan pada tahun 2016 ini.

Bagi mendukung *KPI* tersebut Kementerian Pendidikan melancarkan beberapa strategi antaranya meningkatkan asas dalam *literacy* dan *numeracy* dengan menyediakan *numeracy and literacy standard* dengan program-program *intervency* yang tertentu. Menambah baik profesionalisme guru-guru melalui Sistem Penilaian Prestasi (*Teacher*

Performance Appraisal) ataupun (*TPA*). Meningkatkan penglibatan ibu bapa penjaga melalui persatuan ibu bapa dan guru untuk memberi sokongan pembelajaran anak-anak mereka dan membina kapasiti pemimpin sekolah kepada yang lebih mantap.

Untuk itu Kementerian Pendidikan telah memulakan program kepimpinan yang lebih terancang melalui kerjasama dengan *ELIA*, UBD dan *National College for Teaching Leadership in Nottingham University, United Kingdom* dan juga melalui *Brunei Programme for Senior School Leaders (BPSSL)*. Insya-Allah, dengan adanya usaha-usaha ini hasrat untuk meningkatkan lagi pencapaian pelajar akan tercapai dan pada jangka masa panjang, kualiti pendidikan negara akan lebih terjamin dan *sustainable*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada peringkat pascamenengah pula Kementerian Pendidikan menyasarkan lebih banyak graduan akan tamat dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) memperolehi pekerjaan dalam tempoh 6 bulan atau kurang selepas tamat pengajian mereka ini berdasarkan *IBTE Graduates Employment Survey* yang dikeluarkan pada bulan September 2015 yang mendapati bahawa *employability rate* adalah pada kadar 71.6 peratus.

IBTE akan terus meningkatkan kadar tersebut pada masa yang akan datang. Untuk itu Institut Pendidikan Teknikal Brunei mengambil pendekatan *demand driven* dalam menentukan program-program latihan yang perlu disediakan

dan dalam merangka kurikulum yang *relevant* kepada industri. Di samping itu Kementerian Pendidikan telah menyasarkan 30 peratus pelajar berbanding sekarang hanya 17 peratus pada masa ini untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi menjelang tahun 2017. Ketika ini negara mempunyai sebanyak 4 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf Universiti dan sebuah Politeknik dan 5 buah Institusi Pengajian Swasta yang menawarkan pendidikan tinggi.

Dalam memastikan dasar pendidikan inklusif berjalan dengan lancar Kementerian Pendidikan juga telah mengenal pasti *indicator* bagi pelajar berkeperluan khas memasuki sistem persekolahan inklusif. Kementerian Pendidikan menyasarkan kesemua yakni 100 peratus pelajar ini. Pelajar yang berkeperluan khas ini berada dalam sistem pendidikan pada tahun 2016.

Ke arah mencapai sasaran ini Kementerian Pendidikan berkerjasama rapat dengan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan dalam mengenal pasti kanak-kanak yang berkeperluan khas dan menyelaraskan pembelajaran dan bentuk bantuan satu sokongan yang diperlukan bagi pelajar. Ini didukung dalam usaha meningkatkan kapasiti guru pakar bagi kanak-kanak berkeperluan khas melalui beberapa inisiatif latihan permohonan profesionalisme.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu usaha baharu

Kementerian Pendidikan ialah penyertaan dalam (*PISA*) *Programme for International Student Assessment* yang bertujuan mengetahui kompetensi pelajar kita yang berumur 15 tahun dalam bidang Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Untuk tujuan pernyataan dalam *PISA* kita perlu lebih dahulu menyertai *PISA-Based Test for Schools (PBTS)*. Pada tahun 2016 bagi menyediakan maklumat *descriptive* dan analisis mengenai kemahiran pelajar seperti berfikir kritikal, menyelesaikan masalah (*problem solving*) dan berkomunikasi secara bertulis.

Menurut *Global Competitiveness Index (GCI)* 2013/2014. Negara Brunei Darussalam berada dalam kedudukan 32 daripada 148 bagi kualiti sistem pendidikan. 29 daripada 148 bagi kualiti pendidikan Matematik dan Sains. Dan dalam kedudukan 94 daripada 148 bagi peratus kemasukan ke pengajian tinggi. Menjelang Tahun 2017 Kementerian Pendidikan berharap dapat memperbaiki lagi kedudukan kita dalam *GSI*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi, berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja. Kita menyedari bahawa usaha ini merupakan satu perjalanan yang jauh yang penuh dengan cabaran serta ujian.

Kementerian Pendidikan juga menyedari peranan penting pendidikan dalam mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti dalam titah Baginda dalam Perasmian Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu 25 Jamadilawal 1437 / 5 Mac 2016.

Baginda menyentuh mengenai keupayaan negara untuk memperkasakan ekonomi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui memperkasa sektor swasta. Kementerian Pendidikan semenjak beberapa tahun ini telah berusaha memupuk minda keusahawanan (*entrepreneur mindset*) dalam kalangan pelajar dengan melaksanakan agenda keusahawanan kebangsaan iaitu *National Entrepreneurship Agenda (NGA)*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk mengakhiri mukadimah ini sekali lagi kaola ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kaola peluang untuk memberikan mukadimah ini dalam memastikan peruntukan digunakan dengan sebaik-baiknya seperti mana jua yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam menangani belanjawan dan perancangan negara, kita semua akan sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbil'alamin. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas huraian yang telah dikemukakan mengenai perjalanan dan sasaran-sasaran kementerianya sesuai dengan belanjawan yang telah pun dikemukakan. Maka sekarang saya bukakan tajuk ini untuk dibahaskan.

Di hadapan saya ada senarai ahli yang suka untuk mengemukakan soalan-soalan dan juga mengharapkan penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Nampaknya Yang Berhormat, ada barangkali 13 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan ini.

Saya sekarang memulakan dan menjemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri

Pendidikan kerana telah memberikan mukadimah yang lanjut tadi. Di sini kaola hanya ingin menimbulkan perkara-perkara berhubung dengan pendidikan awal kanak-kanak dan kesihatan penuntut-penuntut sekolah.

Alhamdulillah, sejauh ini kejayaan negara dalam memberikan pendidikan yang sama rata kepada rakyatnya seperti yang disarankan oleh *Millennium Development Goals* telah mencapai tahap yang paling tinggi. Seperti yang dikongsikan semasa sesi permuzakarahan dengan Jabatan Perdana Menteri, salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 ialah bagi rakyat mempunyai kualiti hidup yang terbaik dalam kalangan 10 buah negara teratas yang mana matlamat ini akan dicapai melalui pemberian pendidikan kelas pertama kepada semua rakyat dan penduduk.

Bagaimana pun, seperti juga yang turut disuarakan bahawa semasa sesi permuzakarahan tersebut bahawa mutu pendidikan yang dicapai sejauh ini masih pada tahap yang rendah seperti yang ditunjukkan oleh Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) Kementerian Pendidikan dan juga yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi bahawa peratus pelajar yang mencapai gred A hingga C dalam PSR dalam mata pelajaran teras hanya dalam 59 peratus sementara peratus pelajar yang mencapai 5 'O' Level hanya dalam 36 peratus.

Pada pandangan kaola, pencapaian yang rendah dalam Peperiksaan

'O' Level ini berpunca daripada mutu pendidikan yang diperolehi oleh penuntut semasa mereka berada di prasekolah dan sekolah rendah iaitu di peringkat awal lagi penuntut gagal memperolehi *Basic Foundation* yang kukuh dalam pendidikan.

Dalam masa yang sama, keadaan kesihatan mental dan fizikal penuntut juga perlu diambil perhatian kerana penuntut yang tidak mempunyai kesihatan yang sempurna sukar untuk menerima dengan baik walaupun pendidikan yang diberikan adalah yang terbaik.

Kalau kita melihat hasil kajian *Global School Day Student Help Survey* yang dijalankan pada Tahun 2014 ke atas 2599 orang penuntut yang berumur antara 13 hingga 17 tahun yang menuntut di sekolah-sekolah Brunei Darussalam, kita akan berasa bimbang apabila mendapati sebilangan penuntut bukan sahaja terlibat dalam kegiatan-kegiatan antisosial seperti merokok, melakukan kegiatan seks, bergaduh malah sebilangan mereka juga mempunyai kesihatan mental yang membimbangkan dimana Kajian mendedahkan terdapat kira-kira 9 peratus berfikir untuk membunuh diri, sementara kira-kira 6 peratus telah cuba untuk membunuh diri.

Berhubung dengan perkara-perkara ini, kaola ingin menimbulkan beberapa soalan dan juga cadangan:-

1. Kaola difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan telah

maklum dan mengambil langkah awal untuk meningkatkan pemeduliaan dan pendidikan ke atas kanak-kanak di peringkat awal persekolahan di mana Kementerian Pendidikan bersama agensi-agensi lain telah menggubal satu dasar yang bertajuk 'Pemeduliaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak atau *Early Childhood Care and Education (ECC)*.

Kaola ingin bertanya apakah perkembangan ke atas pelaksanaan dasar, pemeduliaan dan pendidikan awal kanak-kanak ini?, Kerana kaola fikir pelaksanaan dasar ini tidak wajar untuk turut terjejas berikutan langkah-langkah berjimat cermat kerana ia merupakan satu pelaburan yang bijaksana yang memberikan kesan positif yang menyeluruh dalam jangka panjang;

2. Perkara ini juga telah pun disentuh dalam mukadimah. Kaola mengulangi saja lagi. Kaola juga difahamkan semasa menyediakan *framework* dasar pemeduliaan pendidikan awal kanak-kanak ini beberapa kelemahan dari segi kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran dan infrastruktur juga telah dikenal pasti terutama yang melibatkan dasar inklusif Kementerian Pendidikan iaitu dimana penuntut berkeperluan khas memasuki sistem persekolahan biasa bersama dengan penuntut-penuntut yang lain.

Soalan kaola apakah usaha-usaha yang akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk menambah tenaga pengajar yang berkemahiran ini seperti yang disebutkan tadi secara *general* kerana jumlah penuntut yang berkeupayaan khas ini dijangka akan meningkat dari setahun ke setahun dan akan melebihi dari jumlah 130 orang yang masuk ke sekolah kerajaan pada tahun 2014 seperti yang dinyatakan dalam *KPI* Kementerian Pendidikan;

3. Dalam mencari kaedah terbaik untuk memberikan *strong foundation* kepada pendidikan asas semasa penuntut berada di prasekolah dan sekolah rendah terutama kepada mata pelajaran asas seperti *Mathematics, Science* dan Bahasa Inggeris, kaola menyarankan supaya Kementerian Pendidikan mempelajari dari sekolah-sekolah yang telah berjaya memberikan pendidikan asas seperti *JIS* dan *ISB*;
4. Kaola juga ingin mencadangkan supaya Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri membantu dalam mengawasi pelaksanaan dasar, pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak ini, supaya matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk memberi kualiti kehidupan yang terbaik kepada rakyat melalui pemberian pendidikan kelas pertama kepada semua rakyat akan tercapai; dan
5. Perkara terakhir, berhubung dengan kesihatan fizikal dan mental

penuntut-penuntut sekolah. Kaola juga ingin menimbulkan kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi muzakarah berhubung dengan kes-kes *Non Commutable Diseases* atau *NCD* yang juga telah berlaku di dalam kalangan golongan muda.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin menyuarakan supaya Kementerian Pendidikan meningkatkan semula kegiatan bersenam pada waktu pagi di sekolah-sekolah dan kegiatan-kegiatan sukan yang lain seperti *ECA* dan pertandingan sukan antara sekolah terutama dalam jenis-jenis sukan yang baharu yang lebih digemari oleh golongan muda pada ketika ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Institusi Pendidikan adalah satu institusi yang paling mustahak bagi menjamin masa hadapan anak-anak kita. Dalam era globalisasi ini kita tidak ketinggalan dalam usaha untuk membangun bangsa dan masyarakat yang berilmu.

Ke arah objektif negara untuk menaikkan taraf *marketing marketability* kedua-duanya membina generasi yang berwawasan. Perancangan ini dalam aspek pendidikan mestilah diatur dengan rapi, selaras dengan hasrat Negara. Sukacita kaola cadangkan di Dewan yang mulia ini agar Brunei Darussalam dijadikan sebagai *ASEAN Education Hub* untuk memberikan *platform* dan tumpuan bagi rakyat tempatan dan pelajar-pelajar dari seluruh *ASEAN* untuk melanjutkan pelajaran peringkat menengah ataupun tertinggi.

Brunei Darussalam merupakan negara yang aman dan mempunyai *political stability*. Negara ini juga sangat mengambil berat akan bahan-bahan terkawal seperti rokok, arak, dadah dan pusat hiburan. Selain itu infrastruktur negara ini juga ditaraf yang baik dan selamat.

Kadar jenayah juga sangat rendah. Ini juga salah satu faktor yang positif untuk menarik minat pelajar asing ke Negara Brunei apabila ibu bapa merasa yakin untuk menghantar anak-anak ke Brunei Darussalam kerana *environment* nya yang selamat dan terjamin. Ini juga salah satu langkah untuk menarik *FDI* dan pelancong.

Untuk mencapai objektif ini, kaola cadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya Kementerian Pendidikan akan dapat membuat *MOU* atau membuka peluang bagi Universiti dari negeri yang *establish* seperti Australia, UK, Canada dan lain-lain untuk menumpukan

kompas mereka di negara kita seperti negara Malaysia, Singapura dan lain-lain yang sudah menjadi *Education Hub*. Maka seharusnya Brunei patutlah mengikutnya. Jika kita berjaya ini akan dapat menjadi *spin off* keuntungan kepada negara kita. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada mempunyai dua perkara untuk disuarakan yang pertama ialah Program *Industry Competency Framework (IBT)* yang diungkapkan bersama dengan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Saya maklum bahawa tujuan program ialah antara lain:-

1. Mentakrifkan kemahiran yang dikehendaki bagi melakukan kerja-kerja dan peranan di tempat bekerja;
2. Mendekatkan jurang melalui pensejajaran antara pembekal latihan dan kehendak industri; dan
3. Menambah bilangan anak-anak Brunei bekerja di industri.

Biasanya pelatih-pelatih menerima tawaran pekerjaan yang bersyarat (*Contract of Employment*) semasa masih dalam program latihan iaitu perjanjian pekerjaan setelah tamat latihan.

Program ini memang sangat bermanfaat kepada belia kita untuk diceburi kerana industri minyak dan gas berada di seluruh dunia memerlukan tenaga pekerja mahir. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, berapa ramaikah sudah penuntut yang mengikuti program tersebut mendapat kelulusan setakat ini?

Kaola ingin mencadangkan iaitu memandangkan peluang-peluang pekerjaan di Negara Brunei Darussalam agak terhad ketika ini, ditambah lagi dengan pengurangan tenaga kerja di sesetengah sektor awam dan swasta, kaola ingin mencadangkan supaya program *ICF* ini dapat ditambah dengan mengambil kira keperluan yang dikehendaki oleh industri yang ada di dalam mahupun di luar negeri supaya penuntut-penuntut ini apabila mereka tamat menjalani program *ICF* itu nanti akan berpeluang mencuba nasib mereka bekerja di pasaran industri-industri yang berkaitan di luar negara bagi menimba pengalaman jika tidak ada peluang-peluang pekerjaan terbuka di Negara Brunei Darussalam.

Soalan kedua mengenai peralatan-peralatan mengajar di sekolah-sekolah. Alhamdulillah keputusan PSR tahun 2015 sungguh menggalakkan. Peningkatan keputusan PSR tahun lepas itu sedikit sebanyak adalah berkat kerja keras semua pihak iaitu murid-murid itu sendiri, para ibu bapa serta guru-guru yang mengajar dalam memastikan anak-anak mereka sentiasa datang ke sekolah, belajar dengan tekun dan dapat bimbingan dan

perhatian dari ibu bapa serta guru-guru yang berkenaan. Dalam mencapai kejayaan itu, memang ada kekurangan yang dihadapi seperti cabaran dan kesulitan terutama guru-guru yang mengajar.

Perkara ini memang sudah lama dialami sejak SPN21 mula dilancarkan. Sesetengah sekolah, apabila menghadapi kesulitan seperti peralatan atau perkakas mengajar rosak atau kehabisan, guru-guru terpaksa berusaha untuk mengeluarkan peruntukan sendiri bagi mendapatkan alat ganti terutama sekolah-sekolah di luar bandar.

Walaupun telah dibawa ke pengetahuan pihak Jabatan Sekolah-Sekolah, kadang-kadang mereka pun tidak dapat membantu kerana menghadapi kesulitan yang sama. Saya ingin bertanya:-

1. Adakah hal yang disebutkan di atas tadi sampai kepada ke pengetahuan pihak kementerian? dan;
2. Bagi mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh para guru sekolah-sekolah di luar bandar ini. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola ada 4 soalan:-

1. Kementerian Pendidikan telah berusaha menjadikan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai mata pelajaran wajib sejak tahun 1992. Kemudian menaik taraf Melayu Islam Beraja (MIB) menjadi mata pelajaran teras dalam SPN21 pada tahun 2009.

Melayu Islam Beraja (MIB) menjadi mata pelajaran teras dan diajarkan sebagai satu subjek bersendirian bermula dari peringkat persekolahan Tahun 1 hingga Tahun 6 dan telah dijadikan sebagai salah satu daripada 5 mata pelajaran yang dimasukkan dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) sejak tahun 2012. Manakala subjek ini mula dimasukkan dalam peperiksaan dalam SPN21 bagi Tahun 8 sejak tahun 2011.

Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini tidak lagi dimasukkan dalam peperiksaan di peringkat 'O' level mahupun 'A' level. Ia juga masih diajarkan sebagai salah satu subjek di peringkat persekolahan di Pusat Tingkatan Enam malah Melayu Islam Beraja (MIB) masih dijadikan subjek wajib lulus di peringkat pengajian tinggi

(universiti dan juga di institusi pendidikan teknik dan vokasional).

Soalan kaola:

- i. Mengapakah ada kelopongan peperiksaan di peringkat 'O' level dan 'A' level?;
- ii. Mengapakah peperiksaan mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) terhenti di peringkat Menengah Atas dan peringkat Tingkatan Enam?;
- iii. Apakah rasionalnya perkara sedemikian berlaku?;
- iv. Bagaimanakah pihak Kementerian Pendidikan melihat isu ini?; dan
- v. Jika sudah ada perancangan untuk menjadikannya sebagai mata pelajaran yang akan dimasukkan dalam peperiksaan, sejauh manakah sudah perancangan tersebut?.

Sesungguhnya saya penuh yakin bahawa jika nilai norma dan elemen dalam Melayu Islam Beraja (MIB) dihayati sepenuhnya dalam kehidupan individu, maka ia akan menjadi inti pada pembangunan jati diri, saksiah dan tingkah laku kerana Melayu Islam Beraja (MIB) ini bukan sahaja mengandungi nilai patriotisme malah merangkumi banyak norma dan disiplin sosiobudaya, sosioekonomi, adat resam dan yang amat penting ialah

nilai murni dalam ajaran syiar Islam yang menjadi pemangkin kekuatan, keimanan dan ketakwaan pada Allah Subhanahu Wata'ala yang berteraskan kepada Al-Quran dan hadis.

Jelasnya, kefahaman yang baik, penghayatan yang berterusan terhadap konsep Melayu Islam Beraja (MIB) juga memberikan impak yang positif sebagai perisai kepada bangsa dan negara dalam menempuh arus kehidupan global dan modernisasi yang semakin mencabar, terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan warisan budaya, kenegaraan serta yang berhubungan dengan akidah dan akhlak;

2. Pernahkah pihak Kementerian Pendidikan mengkaji keberhasilan pemberian makanan dan minuman waktu rehat?.

Apa yang didapati, sebahagian besar murid sekolah lebih suka makanan di kantin berbanding dengan makanan dan minuman yang diberikan oleh kerajaan. Apakah ini bukan pembaziran? Sekiranya ia tidak dimanfaatkan, adakah makanan tersebut kurang menarik minat murid-murid sekolah?;

3. Disarankan Kementerian Pendidikan lebih berjimat dalam perbelanjaan terutama sekali dalam merangka dan merancang program-program percubaan yang sudah setentunya menggunakan bajet yang besar

seperti mendatangkan pakar dari luar. Sebahagian program tersebut, ada yang cuma bertahan setahun dua sahaja. Contohnya, perubahan buku teks dan akhirnya buku tersebut tidak digunakan; dan

4. Dicadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan mengalusi lagi bantuan Miftahunnajah. Adakah ia menepati sasaran?.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pendidikan mahu menjawab dahulu ataupun menunggu semua soalan yang dikemukakan?

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Yang Berhormat Pengerusi, selesaikan sahaja semua.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang kita teruskan dan saya jemput Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Pada awal tahun lepas, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan

sistem pemantauan kehadiran pelajar sekolah secara *online* untuk mengemaskinikan *Standard Operating Procedure (SOP)* di semua sekolah rendah kerajaan bagi tujuan meningkatkan petunjuk prestasi utama atau *KPI* mereka dalam memastikan kehadiran penuntut mencapai sasaran hala tuju 95 peratus kehadiran setahun.

Dalam Anggaran Perbelanjaan 2016/2017, Kementerian Pendidikan *quote* akaun K23056 – *Student Performance Tracking Programme* diluluskan pada Tahun Kewangan 2015/2016, jumlah B\$130 ribu di bawah Perbelanjaan Khas dan Anggaran Perbelanjaan 2016/2017, B\$50 ribu.

Ini belum termasuk gaji pegawai-pegawai yang mengawasi dan mengerjakan pekerjaan ini. Skim ini mengambil kira keperluan supaya murid-murid tidak akan ketinggalan pelajaran mereka dan dengan sendirinya membolehkan mereka mengikuti mata-mata pelajaran yang diajarkan dengan sepenuhnya mengikut jadual dalam bilik darjah masing-masing.

Dengan kehadiran murid-murid sekolah yang penuh itu, diharap murid-murid sekolah itu dapat menumpukan perhatian mereka pada pelajaran mereka dan sekali gus akan dapat berjaya mencapai kelulusan yang tinggi dalam peperiksaan.

Namun demikian, terdapat juga sebahagian pelajar yang tidak hadir ke sekolah dan ini sering terjadi pada hari Sabtu. Keadaan ini sudah

tentu akan menjejaskan matlamat Kementerian Pendidikan untuk membantu negara ini mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat dan penduduk yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk menangani masalah ponteng sekolah ini, dicadangkan supaya cuti 2 hari di hujung minggu diseragamkan di kesemua kementerian dan jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat termasuk sekolah-sekolah di negara ini iaitu menukar hari kelepasan awam selama 2 hari iaitu hari Jumaat dan Ahad kepada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari Jumaat dan Sabtu.

Apa yang diperhatikan pada masa ini, pada hari kelepasan awam itu sebahagian jabatan kerajaan dan syarikat swasta ialah pada hari Sabtu dan Ahad. Disebabkan keadaan ini, terdapat keluhan dari pegawai dan kakitangan kerajaan yang keluarga mereka berasal di pedalaman mengalami kesulitan untuk balik bercuti ke kampung masing-masing kerana baru sahaja sampai ke sana tetapi pada keesokan harinya mereka perlu balik untuk bekerja semula.

Ketua keluarga yang hari kelepasannya pada hari Sabtu, misalnya, tentu sekali mahu menghabiskan masa cuti mereka bersama keluarga di kampung atau bercuti di negara jiran dengan membawa anak-anak mereka bersama. Keadaan ini akan terpaksa

menyebabkan anak-anak mereka akan ponteng sekolah pada hari Sabtu.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan menyeragamkan hari kelepasan awam yang dicantumkan menjadi 2 hari misalannya, pada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari Jumaat dan Sabtu, sudah tentu akan memberi kesan yang positif kerana masalah ponteng sekolah pada hari Sabtu akan berkurangan dan ini akan membolehkan ibu bapa dan anak-anak dapat bersama-sama bercuti dan mendapat cukup rehat.

Prestasi murid dalam pelajaran dan prestasi ibu bapa dalam pekerjaan akan baik. Kaola fikir *Performance Tracking Programme* mudah diuruskan dan meningkatkan *performance* dalam mencapai kecermelangan dalam peperiksaan. Dari itu hala tuju Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana telah membentangkan peruntukan belanjawan yang begitu lumayan.

Kaola, Yang Berhormat Pengerusi ingin menghadapkan beberapa soalan. Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 iaitu lebih kurang 32 tahun yang lalu, perkembangan pesat berlaku dalam

bidang pendidikan melalui kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sistem pendidikan yang mantap, telah dapat membina modal insan yang berkualiti bagi pembangunan negara.

Yang Berhormat Pengerusi. Menyorot petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-52 tahun pada 1 Rabiulakhir 1420 bersamaan 15 Julai 1999 iaitu kira-kira 17 tahun yang lalu.

Antara lain Baginda bertitah "Bidang pendidikan kita akan lebih bersikap proaktif sebagai jawapan keadaan dunia yang sentiasa berubah-ubah. Kursus-kursus dan bidang-bidang lain pengajian akan sentiasa diselaraskan dengan keperluan negara dan manusia." Demikian petikan titah baginda.

Yang Berhormat Pengerusi. Di Dewan yang mulia ini kita ingin menimbulkan pertanyaan:-

1. Adakah kajian dilakukan berdasarkan lambakan bilangan pelajar lepasan institusi pengajian tinggi baik dalam dan luar negeri

yang sedang mencari pekerjaan atau menganggur, memilih pekerjaan atau tidak mendapat tempat di sektor awam dan swasta?;

2. Berdasarkan kursus-kursus yang telah ditawarkan di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini adakah menjurus kepada keperluan pasaran kerja di sektor awam dan swasta di negara ini?.

Yang Berhormat Pengerusi. Di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan:-

1. Pihak Kementerian Pendidikan melalui institusi-institusi pengajian tinggi akan dapat mengadakan program sijil kemahiran mengikut fasa (liga fasa) sebelum tahun berakhir ataupun selepas berakhirnya pengajian.

Program ini membolehkan penuntut-penuntut lepasan pengajian tinggi menyesuaikan diri dengan arena alam pekerjaan sebelum menjawat jawatan sebanding dengan kelulusan mereka sama ada di sektor awam dan swasta bagi mengatasi pengangguran; dan

2. Dengan peruntukan tahunan sudah tentu akan memberi banyak peluang kepada usaha pembaikan ataupun *renovation* yang telah dan dalam perancangan yang dimasukkan dalam senarai menunggu. Saya penuh yakin atas keprihatinan Yang Berhormat Menteri Pendidikan perkara ini akan dapat dilaksanakan.

Perkara ini sudah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Di kawasan Zon 4 terdapat beberapa buah sekolah yang memerlukan pembaikan antaranya:-

1. Sekolah Rendah Putat bagi menaik taraf padang permainan yang sudah beberapa kali disuarakan. Padang permainan ini sudah berusia lebih kurang 50 tahun belum pernah dinaik taraf;
2. Sekolah Rendah Masin memerlukan penambahan bangunan bagi menampung bilangan pelajar yang bertambah;
3. Sekolah Rendah Kasat memerlukan sebuah dewan yang pada masa ini tidak terdapat dewan;
4. Sekolah Rendah Bebuloh memerlukan juga padang permainan untuk dinaik taraf;
5. Sekolah Rendah Panchur Murai juga perlu diberikan perhatian bagi pembaikan; dan
6. Sekolah Rendah Pangkalan Batu yang pada masa ini sering diserang oleh anai-anai juga memerlukan perhatian.

Jadi, melalui peruntukan yang telah disediakan itu, Yang Berhormat Pengerusi akan dapat memberikan peluang kepada sekolah-sekolah yang disebutkan. Itu sahaja, sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah.

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Yang Berhormat Yang Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimahnyanya awal tadi berhubung dengan rancangan dan usaha Kementerian Pendidikan. Soalan kaola:-

1. Kementerian Pendidikan disarankan supaya membuka seluas-luasnya dan memberikan peluang kepada penjawat awam untuk mengikuti pembelajaran di institusi pendidikan tinggi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan terutamanya kepada penjawat awam Bahagian III dan IV diberi peluang untuk mengikuti demi menambahkan sumber tenaga yang berpendidikan tinggi sesuai dengan Wawasan Brunei 2035;
2. Pada masa ini Kementerian Pendidikan mewujudkan elaun untuk mahasiswa dan mahasiswi institut pengajian tinggi awam, salah satu ialah elaun bulanan sebanyak

\$350 dan elaun buku sebanyak \$250. Dalam hubungan ini, kaola cadangkan supaya elaun tersebut dikaji semula memandangkan perbelanjaan sara hidup pada masa ini semakin meningkat; dan

3. Adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk membina sekolah-sekolah terutamanya kepada kawasan perpindahan negara seperti Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola meminta izin untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah Belanjawan Kementerian Pendidikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Tajuk Kementerian Pendidikan kaola akan membawakan 6 perkara:-

1. Bagi penduduk-penduduk tetap dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan yang anak-anak mereka yang mencapai

keputusan 'O' Level yang baik untuk melanjutkan pelajaran mereka menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu Tingkatan 6 atau PTE. Meskipun cemerlang dalam akademik mereka dikenakan bayaran persekolahan atau ke pusat pengajian tinggi.

Sukacita kaola bertanya, apakah kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan dalam perkara ini, dan kalau dapat dicadangkan supaya mereka dikecualikan daripada pembayaran bagi meringankan kepada keluarga yang tidak berkemampuan ini;

2. Mengenai rancangan pembinaan bangunan baharu Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong, yang termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara, perkara yang sudah lama dicadangkan dalam perancangan Kementerian Pendidikan dan yang sudah beberapa kali dibentangkan di Dewan yang mulia ini, alhamdulillah seperti yang dinyatakan di permesyuaratan yang lepas di Dewan yang mulia ini, bahawa tawaran bagi pembinaan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong, akan dibuat kawasan tapak sebelah utara bangunan lama sekolah ini yang berkeluasan seluas 6.24 hektar, dan diharapkan sekolah ini akan dapat beroperasi pada awal tahun 2018; Yang Berhormat Pengerusi. Setakat ini belum ada tanda-tanda

bangunan baharu akan dibina. Dalam masa yang sama keadaan Sekolah Menengah Sultan Hassan sekarang, atas tindakan Kementerian Pendidikan yang membangunkan *porta cabin* secara sementara sejak tahun 2010, nampak semakin kurang selesa kepada pelajar-pelajar dengan kelas yang ramai.

Sukacita kaola ingin tahu status perkembangan terkini mengenainya. Sekolah Menengah Sultan Hassan, adalah satu-satunya sekolah menengah di Daerah Temburong, tempat murid-murid sekolah rendah daerah ini melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah;

3. Apa yang kaola dapat maklum pada masa ini, Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkihah tidak lagi menawarkan kursus Diploma Pendidikan. Kaola ingin mencadangkan supaya kursus Diploma Pendidikan dapat dibukakan semula bagi memberikan peluang kepada penuntut-penuntut lepasan 'O' level yang berminat menceburi profesion perguruan untuk mengikuti kursus berkenaan. Di samping itu juga, ia akan dapat menambah baik guru yang di negara ini bagi menampung kekurangan guru pada masa akan datang seperti mengganti guru-guru yang bersara wajib, guru-guru cuti bersalin dan sebagainya.

Kaola jua ingin bertanya, apakah sememangnya ada perancangan

pihak Kementerian Pendidikan untuk membukakan kursus Diploma Pendidikan ini?;

4. Pendidikan peringkat prasekolah merupakan pendidikan secara formal yang terawal diterima oleh kanak-kanak di sekolah kerajaan di negara ini. Perkembangan kanak-kanak pada masa ini berada pada tahap membangun dengan pesat sekali meliputi aspek perkembangan fizikal, intelek, emosi, rohani dan sosial. Oleh itu, sebagai guru prasekolah harus mempunyai tahap kesabaran dan kecekalan yang tinggi dalam menghadapi pelbagai kerenah murid-murid semasa berada di sekolah. Melihat kepada cabaran ini, peranan para Pembantu Guru sangat penting bagi memastikan pihak sekolah memberikan pendidikan yang berkualiti dan berkesan kepada murid-murid prasekolah.

Apa yang kaola maklum, khidmat Pembantu Guru prasekolah ini telah sekian lama digunakan di sekolah swasta di negara ini dan telah dapat membantu keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak sekolah di sekolah-sekolah berkenaan. Kaola ingin bertanya apakah pihak Kementerian Pendidikan ada mempunyai perancangan untuk mengambil khidmat Pembantu Guru bagi membantu guru-guru prasekolah di sekolah rendah kerajaan di seluruh negara bagi memberikan pendidikan awal anak-anak yang berkesan dan berkualiti;

5. Mengenai isu kekurangan guru di sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah di Daerah Temburong. Isu ini pernah kaola bawakan di Dewan yang mulia ini, kerana apa yang dimaklumkan kepada kaola, pada masa ini sekolah-sekolah di Daerah Temburong masih lagi menghadapi kekurangan guru. Sejauh ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah kekurangan guru di Daerah Temburong; dan
6. Keselesaan tempat tinggal adalah merupakan salah satu faktor yang boleh menarik guru-guru dari luar daerah untuk bertugas di Daerah Temburong. Mengikut sumber yang kaola perolehi, masih banyak kerosakan di flat dan rumah guru yang belum diperbaiki, Perkara ini pernah ditimbulkan di Dewan yang mulia ini supaya diadakan pembaikan segera jika ada kerosakan dari semasa ke semasa bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan penghuni flat dan rumah guru. Apakah sudah ada langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi mengatasi segera masalah ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya masih lagi ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam senarai saya ini yang suka untuk

turut serta dalam perbahasan Tajuk ini. Saya suka sekarang mencadangkan supaya Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk menangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang nanti bagi meneruskan perbincangan kita selanjutnya. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)